

فتيقن تيتاه

PETIKAN TITAH

"USAHA gigih dan kerja kuat diperlukan dalam membangun negara. Semua kita, tanpa ada kecualinya, mestilah tekun dan gigih, lebih-lebih lagi generasi muda selaku Tunas Bangsa, mereka itu perlu menjadi paksi kepada perubahan-perubahan besar yang bermanfaat."  
- Titah Sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam 1429 Hijriah / Masihi 2008 pada 12 Rabiulawal 1429 / 20 Mac 2008.



Pelita  
BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسن ايمان

MANISNYA IMAN

"DAN perintahkanlah keluargamu serta umatmu mengerjakan sembahyang dan hendaklah engkau bersabar menaikannya. Kami tidak meminta rezeki kepadamu, bahkan Kamilah yang memberi rezeki kepadamu. Dan ingatlah kesudahan yang baik adalah bagi orang-orang yang bertaqwa." (Surah Thaaaha ayat 132.)

TAHUN 56 / BILANGAN 12

26 Januari 2011 / 1432 صفر 21

EDISI RABU / PERCUMA

# Hormati bendera negara

Oleh : Hajah Siti Zuraiha Haji Awang Sulaiman

**MUKIM SENGKURONG**, Selasa, 25 Januari. - Bendera adalah lambang identiti atau pengenalan sesebuah negara dan sesuatu bangsa serta lambang kesepakatan, keagungan dan martabatnya yang tersendiri yang perlu mendapat pengiktirafan dan penghormatan oleh bangsa-bangsa dan negara-negara yang lain di dunia.

Adalah sangat mendukacitakan apabila sebilangan masyarakat, rakyat dan penduduk serta generasi muda mempertikaikan akan pentingnya peranan bendera kebangsaan di dalam kehidupan berbangsa dan bernegara.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah menekankan perkara itu semasa melancarkan Kempen Mengibar Bendera Negara Bagi Mukim Sengkurong 2011 berlangsung di Dewan Kemasyarakatan Mukim Sengkurong.

Malah sesetengah pihak, kata Yang Berhormat melihat bendera negara tidak melebihi daripada secarik kain yang berwarna kuning, hitam dan putih yang hanya akan berkibar apabila ditiup angin yang tidak mempunyai apa-apa makna dalam konteks bernegara.

"Mereka tidak menghiraukan untuk mengibarkan bendera negara di hari-hari kebesaran negara seperti yang diarahkan oleh kerajaan", jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat berkata, ada juga terdapat sesetengah pihak mengabaikan dan tidak mengambil endah akan perlunya menjaga kemuliaan, kesempurnaan dan keselamatan bendera kebangsaan dengan membiarkannya berkibar sepanjang tahun sehingga rosak dan robek dalam keadaan yang memalukan di kawasan-kawasan pembinaan dan perusahaan, premis-premis perniagaan, pejabat dan rumah-rumah persendirian.

Ke muka 24

**ADALAH sangat mendukacitakan apabila sebilangan masyarakat, rakyat dan penduduk serta generasi muda mempertikaikan akan pentingnya peranan bendera kebangsaan di dalam kehidupan berbangsa dan bernegara.**

## Menerima mengadap Timbalan PM Malaysia, Ketua Turus Angkatan Bersenjata Republik Filipina

Oleh : Dk. Vivy Malessa  
Pg. Ibrahim  
Foto : Abdullah  
Haji Awang Damit

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 25 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap secara berasing Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran Malaysia, Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin dan Ketua Turus Angkatan Bersenjata Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Jeneral Ricardo A. David Jr. AFP, di Istana Nurul Iman.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia mula-mula berkenaan menerima mengadap Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin yang kini berada di negara ini dalam rangka lawatan kerja selama tiga hari.

Turut hadir di Majlis Mengadap itu, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

Kebawah DYMM kemudian berkenan menerima mengadap Ketua Turus Angkatan Bersenjata Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Jeneral Ricardo A. David Jr. AFP yang dalam rangka lawatan kerja selama dua hari.

Juga hadir di majlis tersebut, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Awang Abidin.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran Malaysia, Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Ketua Turus Angkatan Bersenjata Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Jeneral Ricardo A. David Jr. AFP.

## Brunei - Malaysia tingkatkan kerjasama pendidikan

**JERUDONG**, Selasa, 25 Januari. - Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar dan Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Pelajaran Malaysia, Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin mengadakan Mesyuarat Dua Hala berlangsung di The Empire Hotel and Country Club, Jerudong.

Kedua-dua menteri membincangkan

hubungan dua hala dan peningkatan kerjasama pendidikan terutama di bidang teknik dan vokasional, latihan guru, program-program hubungan antara sekolah seperti bidang teknologi maklumat dan komunikasi, penggunaan media di sekolah dalam bahasa Inggeris dan bidang-bidang yang boleh dikembangkan di masa hadapan dalam program penambahbaikan sekolah.

Ke muka 3

Oleh : Rohani Haji Abd. Hamid



Muka 5

PEMENANG Peraduan Menulis Esei 2010 menerima hadiah



Muka 12 & 13

HUBUNGAN dua hala Brunei - Kuwait semakin kukuh



UCAPAN Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman di Majlis Pelancaran Pameran Rumah Masa Depan Untuk Rakyat Sempena Hari Habitat Sedunia bertempat di The Mall, Gadong pada hari Sabtu 10 Safar 1432 / 15 Januari 2011.

Bismillahir  
Rahmanir Rahim  
Assalamu'alaikum  
Warahmatullahi  
Wabarakatuh  
Salam Sejahtera

**A**LHAMDULLILLAH, bersyukur kita ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala atas limpah rahmat-Nya serta izin-Nya juga kita dapat berkumpul di Majlis Sambutan Hari Habitat Sedunia 2010.

Walaupun kita agak terlambat merayakan Hari Habitat Sedunia yang lazimnya diraikan pada setiap hari Isnin di minggu pertama bulan Oktober, namun majlis kita pada hari ini masih ada *relevance-*

nya dengan tema Hari Habitat Sedunia 2010 iaitu 'Better City Better Life' atau diertikan 'Bandaraya Teratur Kehidupan Selesa'.

Saya mengucapkan tahniah kepada pengerusi majlis dan ahli-ahli jawatankuasa yang telah menjayakan majlis pada pagi ini dan terima kasih kerana telah mengundang saya menjadi tetamu kehormat di majlis yang sungguh bermakna ini.

Tema 'Bandaraya Teratur Kehidupan Selesa' mengajak kita untuk merenung dan memikirkan sejenak bagaimana kita boleh menjadikan bandar dan bandar raya kita suatu tempat yang lebih baik

## Vertical development jimatkan penggunaan tanah

untuk kita diami.

Dunia masa ini, pada umumnya sedang mengalami arus kemajuan yang sangat pesat. Proses urbanisasi yang bermula sejak kira-kira 100 tahun lalu telah mengubah cara kehidupan kita, di mana sebahagian ramai penduduk kampung dan daerah-daerah pedalaman berhijrah ke bandar dan kota untuk mencari kehidupan yang lebih baik. Dalam satu laporan yang dibuat oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 2007, menyatakan lebih daripada setengah penduduk dunia tinggal di bandar dan kota, dan ini memberi tekanan yang amat berat kepada prasarana bandar dan kota hingga menyebabkan ianya tidak terurus dan menurun.

Di negara kita, Alhamdulillah, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam amat komited kepada berterusan menjaga kehidupan rakyat yang lebih teratur dan selesa. Melalui Rancangan Kemajuan Negara Lima Tahun, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersedia memperuntukkan beratus juta ringgit demi memastikan taraf kehidupan rakyat dan penduduk di negara ini akan kekal di paras yang tinggi sebanding dengan negara-negara yang maju.

Di samping itu, melalui peruntukan-peruntukan yang diberikan kepada kementerian-kementerian, jabatan-jabatan dan agensi-agensi kerajaan setiap tahun, ia adalah juga bertujuan supaya aktiviti kerajaan ke arah meningkatkan dan memperbaiki lagi sosioekonomi rakyat dan penduduk di negara

ini akan berterusan.

Ini dapat kita lihat dengan bertambahnya projek-projek dan aktiviti kerajaan yang diselenggarakan secara langsung oleh sektor kerajaan, atau secara tidak langsung melalui sektor swasta. Kita tidak dapat menyangkal komitmen kerajaan dalam hal ini dan juga kejayaan kita sejauh ini, dan di sebalik arus urbanisasi yang juga berlaku di negara kita, kualiti dan kehidupan rakyat dan penduduk negara ini tetap di tahap yang tinggi.

Di banyak negara, termasuk yang sudah maju, satu kesan urbanisasi yang ketara dan sukar untuk diatasi ialah di bidang perumahan, di mana rumah-rumah setinggi tumbuh umpama cendawan. Fenomena ini berlaku di antaranya, adalah disebabkan permintaan ke atas perumahan yang melebihi tawaran (yakni *supply*), kekurangan tanah untuk tapak rumah, harga pembinaan rumah yang mahal kerana tidak dikawal dan juga ketiadaan undang-undang atau kurangnya penguatkuasaan undang-undang, jika pun ada. Dan dari keadaan rumah yang tidak selesa untuk didiami, timbul masalah-masalah sosial, seperti perilaku yang antisosial, perkeltarian dalam rumah tangga, ponteng sekolah, malas bekerja, masalah dadah dan sebagainya dan ini tentunya menjadi masalah yang besar jika tidak dibendung.

Justeru itu, kita harus bersyukur bahawa di negara kita, isu perumahan diberi perhatian berat oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sendiri agar ia tidak menjadi satu masalah yang besar yang boleh merosakkan

masyarakat kita. Dan adalah menjadi satu cabaran kepada Kementerian Pembangunan dan kepada Jabatan Kemajuan Perumahan khususnya, untuk mencapai sasaran perumahan seperti yang dinyatakan dalam Wawasan 2035 yang menjanjikan bahawa setiap keluarga itu akan memiliki rumah sendiri.

Kita harus berbangga bahawa melalui Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) dan Skim Perumahan Kebangsaan, ramai rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kini memiliki rumah mereka sendiri. Walau bagaimanapun, masih ramai lagi yang dalam *waiting-list* dan dimaklumi juga mereka-mereka ini telah menunggu sekian lama untuk memiliki dan mendiami rumah sendiri.

Kementerian Pembangunan akan berusaha untuk mempercepatkan pembinaan rumah-rumah di bawah kedua skim di atas sebagai menyangkut harapan pemohon rumah untuk memiliki rumah secepat mungkin.

Walaupun bagaimanapun, kita juga menghadapi beberapa *constraints* dalam pembinaan rumah-rumah ini. Selain daripada kelambatan (*delay*) di pihak pemborong menyiapkan projek-projek perumahan yang telah diberikan disebabkan masalah-masalah seperti kekurangan bahan binaan, kekurangan pekerja cuaca, masalah kewangan dan sebagainya masalah besar yang akan kita hadapai ialah mendapatkan tapak-tapak perumahan yang sesuai yang kini semakin berkurangan.

Ke muka 8

**DI SAMPING menambah jumlah bilangan rumah-rumah di bawah STKRJ dan Skim Perumahan Negara, Kementerian Pembangunan juga baru-baru ini mendapat kurnia perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memulakan kerja-kerja membina rumah di Kampung Air sebagai usaha untuk membina semula dan membina semula kampung Air secara berperingkat, agar lebih selesa, dengan dibekalkan segala kemudahan yang utama selaras dengan usaha menjadikan Negara Brunei Darussalam sebuah negara yang 'most liveable' di dunia dan fasa 1 projek ini yang mengandungi 56 buah rumah akan dimulakan dan siap pada tahun ini.**

### SIDANG PENGARANG

Pemberitaan/Rencana	Ketua Penyuntingan	Penyuntingan
Hajah Zabaedah Haji Salat Dk. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor, Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli, Hezlinawati Haji Abd. Karim, Bolkassan Haji Abu Bakar, Ak. Jeffery Pg. Durahman, Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi, Abdullah Asgar, Abu Bakar Haji Abdul Rahman, Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad, Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman, Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim, Haniza Abdul Latif, Rohani Haji Abdul Hamid, Nooratini Haji Abas, Khartini Hamir, Saerah Haji Abdul Ghani, Aimi Sani, Shari Haji Garib, Aryentty Haji Ariffin	Dr. Muhammad Hadi Muhammad Melayong, Haji Jaafar Haji Ibrahim	Haji Ahat Haji Ismail, Sahari Akim, Siti Muslihat Haji Salleh, Haji Aliddin Haji Mokhtal
Penyemakan	Penyelaras dan Reka Letak	Penterjemahan
Haji Besar Haji Mamit, Ramlah Md. Noor, Atikah Mohd. Asyraf, Hajah Sujimawati Mejari, Nurul Hazwani Abu Omar, Siti Faizahanisah Awang Mahani, Siti Noorzaimah Haji Nooralli, Nur Hidayati Haji Haris, Siti Nadieya Haji Rahime, Ak. Muhd. Khairul Anuar Pg. Badaruddin, Ernie Amal Afiqah Haji Narip Majdah Hazirah Awang Lamit	Khairul Shaharim Haji Abdul Ghafor, Samle Haji Jait, Norliah Md. Zain, Haji Ahmad Haji Salim	Hajah Musmariani Haji Mohammad, Hafizatul Atikah Abdullah
	Pereka Letak	
	Mohammad Ike Iqrami Haji Suhaimi, Muhammad Hamdanajib Haji Domeng, Hajah Raini Haji Bidin, Dk. Sahraini Pg. Haji Ismail, Jorrani Haji Zainal, Rudiana Mohd. Salleh, Md. Alisman Ismail, Muhd. Zaidani Haji Zinini	

Dari Sidang Pengarang.

26 JANUARI 2011 BERSAMAAN 1432 21

### MENYUSURI SEJARAH BANGSA

**S**EJARAH negara bangsa perlu diketahui oleh semua rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam. Kerana melalui ia kita dapat melonjakkan nama bumi Darussalam di persada dunia antarabangsa. Selain kita dapat lagi memperteguh pembangunan dan kemajuan yang kita nikmati sekarang. Sememangnya mengetahui sejarah sendiri adalah lebih afdal daripada mengetahui sejarah orang lain. Amatlah walih kita peka dan sensitif terhadap sejarah negara dari terus mengagungkan sejarah orang lain. Mengagungkan sejarah pemimpin-pemimpin negara amatlah mustahak dalam kita mengekalkan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) yang sememangnya menjadi pasak dan kekuatan pentadbiran negara masa kini. Dalam hal ini kita jangan bisu dan tidak tahu apa-apa mengenai sejarah negara bangsa, tetapi lebih yakin menghayati sejarah tanah air dan pemimpin luar.

Sedangkan kita mempunyai dimensi sejarah yang cukup banyak dan cukup luas. Kita lebih afdal mengetahuinya dari orang lain. Mengetahui asal usul kita. Mengetahui peristiwa-peristiwa yang benar-benar pernah terjadi dan dialami oleh bangsa kita sendiri. Dan kita juga perlu lebih afdal membuat kajian terperinci dan menghuraikan dengan sedalam-dalamnya dan seluas-luasnya peristiwa-peristiwa tersebut bagi tatapan generasi muda akan datang. Begitu pula pentingnya sejarah dan sejarah tidak pernah berbohong dan juga tidak pernah berdusta. Ia merupakan peristiwa yang benar-benar terjadi dan berlaku dan bukannya rekaan semata-mata atau dongeng. Perkara ini pernah ditegaskan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Keputeraan Baginda Ke-60 Tahun pada 15 Julai 2006. Antara lain baginda menitahkan "Kita jangan lupakan 'hakikat sejarah' yang berharga, walaupun ramai orang lain sudah melupakannya. Tetapi bagi Brunei, kita jangan pula melupakannya. Malah ambillah ia sebagai iktibar. Kerana sejarah itu adalah guru, ia tidak pernah berbohong."

Menteri Hal EHWal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman ketika berucap merasmikan Mesyuarat Agung Persatuan Sejarah Brunei (PESEBAR) juga turut memfokuskan perkara ini dengan menekankan bahawa kitani perlukan bahan kajian sejarah, dari mana dan oleh sesiapa pun bahan itu adalah berguna. Kita mungkin sahaja tidak sependapat dengan mereka dan keadaan demikian seharusnya melahirkan kajian baharu menurut perspektif Brunei. Menurut Yang Berhormat, dalam menyusuri sejarah bangsa, hendaknya kita tidak tinggal mempertajam sentimen negatif terhadap hasil kajian oleh penulis-penulis dan ahli-ahli sejarah di kalangan orang luar.

Namun apa yang sering kedengaran, orang kitani merungut dan marah terhadap kajian dan penulisan sejarah negara yang ditulis oleh orang luar. Tetapi orang kitani sendiri tidak tampil ke hadapan memperbetulkan tentang sejarah yang dihasilkan oleh orang luar. Sayangnya kita sendiri tidak selalu diikuti dengan menghasilkan kajian dan penulisan baharu menurut apa yang disebut-sebut sebagai perspektif Brunei itu. Sudah sampai masanya bagi orang anak Brunei menghasilkan kajian terperinci mengenai sejarah yang ditulis oleh penulis asing dan menghasilkan tulisan yang dikira-kira dapat memperbetulkan keadaan sejarah jika benar sejarah kitani diputarbelitkan oleh bangsa asing. Perkara ini mustahak kita fikirkan dan renung bersama dan bukan sering menimbulkan dalam bentuk sungutan-sungutan terhadap kajian dan penulisan luar. Tetapi apa pun sebenarnya, kita perlu bersikap terbuka tentang kajian sejarah negara oleh orang luar sekalipun kita berbeza pendapat dan pendirian.

Kita penuh percaya dengan adanya PESEBAR tentu sahaja akan mengambil kira kepentingan mengetahui sejarah negara ini dan menghasilkan kajian mengenai itu sesuai dengan penubuhannya. Persatuan berkenaan tidak akan jemu-jemu dan kendur-kendur bagi memelihara dan menyebarluaskan warisan sejarah bangsa Brunei untuk dijadikan rujukan dan panduan generasi Brunei masa kini dan masa akan datang. PESEBAR juga akan terus berusaha gigih untuk mengukayahkan dan mengadakan aktiviti-aktiviti dalam sama-sama memikul kewajipan dan tanggungjawab dalam memelihara dan juga menyebarluaskan warisan bangsa Brunei supaya dipelajari oleh generasi muda agar tidak terhakis oleh arus globalisasi yang mencabar. Namun dalam menggali khazanah sejarah negara, janganlah kitani membiarkan PESEBAR menggali bersendirian, tetapi selayaknya mereka yang benar-benar ingin memperjuangkan sejarah tanah air khususnya mahasiswa akan turut menyumbang dan juga bergerak aktif bukan sahaja meruahkan dan meneroka bidang sejarah semata-mata tetapi lebih memperluaskannya kepada disiplin-disiplin bidang-bidang sejarah sosial, ekonomi, perubatan, kesihatan, perdagangan, pertanian, kewangan dan lain-lain bagi memperkayakan lagi sumber khazanah sejarah Brunei untuk santapan masyarakat Brunei dan juga orang luar.

Kita ingin melihat generasi sekarang dengan sikap yang patriotik memajukan bangsa dan negaranya dengan keyakinan untuk mempertahankan falsafah MIB sesuai dengan Perlembagaan Negara 1959 dan Watikah Pemasyarakatan Kemerdekaan. Dalam menyusuri sejarah bangsa, sudah tiba masanya bagi kita memperbanyakan tulisan-tulisan sejarah tanah air. Biar generasi muda yang kitani harap-harapkan menyambung kedaulatan dan kemerdekaan negara akan terus berpegang sejarah negara agar mereka tidak mudah lupa daratan dan tidak mudah melupakan asal usul mereka, kerana bangsa yang tidak mengenal sejarahnya sendiri dianggap tidak patriotik dan tidak bertamadun. - **KETUA BAHAGIAN PELITA BRUNEI.**

# Hubungan Brunei - India terus diperkukuhkan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 26 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Presiden Republik India, Puan Yang Terutama Pratibha Devisingh Patil dan Perdana Menteri Republik India, Tuan Yang Terutama Dr. Manmohan Singh bersempena dengan Hari Republik negara tersebut.

Dalam perutusan tahniah Kebawah Duli Yang Maha Mulia kepada Presiden Republik India, baginda menyampaikan perasaan sukacita tentang perhubungan yang sudah sekian lama wujud di antara kedua-dua buah negara dan baginda yakin perhubungan ini akan diperkukuhkan lagi pada tahun-tahun akan datang.

Seterusnya, dalam perutusan baginda kepada Perdana Menteri Republik India, baginda merakamkan



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Presiden Republik India, Puan Yang Terutama Pratibha Devisingh Patil dan Perdana Menteri Republik India, Tuan Yang Terutama Dr. Manmohan Singh bersempena dengan hari republik negara tersebut.

penghargaan di atas persahabatan dan kerjasama yang terjalin di antara kedua-dua buah negara dan berharap akan dapat meneruskan usaha bersama dengan TYT ke arah mengukuhkan hubungan baik antara



Negara Brunei Darussalam dengan Republik India secara dua hala dan sebagai rakan kongsi serantau.

Pada mengakhiri perutusan-perutusan tersebut, baginda mengucapkan salam muhibah kepada



Presiden Republik India, PYT Pratibha Devisingh Patil dan Perdana Menteri Republik India, TYT Dr. Manmohan Singh dan semoga rakyat Republik India akan menikmati kesejahteraan.

Sementara itu, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan juga berkenan mengantar perutusan tahniah kepada Menteri Hal Ehwal Luar Republik India, Tuan Yang Terutama S.M. Krishna bersempena dengan Hari India.

Dalam perutusan itu, Duli Yang Teramat Mulia merakamkan ucapan tahniah kepada TYT secara peribadi dan kerajaan serta rakyat Republik India sempena hari republik negara tersebut.

DYTM melahirkan penghargaan atas persahabatan dan kerjasama yang dikongsi kedua buah negara pada tahun-tahun yang lepas.

Menurut DYTM, India memainkan peranan penting dalam pembangunan di Negara Brunei Darussalam dan menghargai kehadiran India di rantau ini, terutama selepas penandatanganan Perjanjian Perdagangan Bebas India-ASEAN pada tahun 2009.

# Brunei - Australia capai kejayaan dalam bidang kerjasama

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 26 Januari. - Kebawah Duli yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar tahniah kepada Governor-General Australia, Puan Yang Terutama Quentin Bryce dan kepada Perdana Menteri Australia, Yang Berhormat Julia Gillard dan kerajaan serta rakyat Australia bersempena dengan Hari Australia (Australia Day).

Dalam tahniah perutusan tahniah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia kepada Governor-General Australia, baginda merasa gembira kerana kedua-dua buah negara telah mencapai banyak kejayaan dalam bidang kerjasama, sama ada secara dua hala mahu pun dalam hal ehwal usaha sama serantau dan antarabangsa, dan berharap semoga hubungan secara rakan kongsi yang mustahak ini akan berterusan.

Seterusnya dalam tahniah perutusan baginda yang sama kepada Perdana Menteri Australia, baginda berasa



**GOVERNOR-General** Australia, Puan Yang Terutama Quentin Bryce.

gembira bekerja bersama-sama dengan Puan Yang Terutama pada tahun yang lepas untuk meningkatkan hubungan persahabatan dan kerjasama yang mesra di antara kedua buah negara termasuk kejayaan yang dicapai dalam Sidang Kemuncak ASEAN-Australia di Hanoi pada tahun lepas. Baginda juga bergembira mengalu-alukan kemasukan Australia ke dalam Kumpulan ASEM.



**PERDANA** Menteri Australia, Yang Berhormat Julia Gillard.

Baginda seterusnya juga menyampaikan harapan kepada PYT Quentin Bryce dan Yang Berhormat Julia Gillard semoga Australia akan mencapai kejayaan dalam peranannya sebagai Pengerusi Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Commonwealth yang akan diadakan pada bulan Oktober tahun ini.

Pada mengakhiri perutusan

tersebut, baginda mengucapkan salam muhibah kepada Governor-General Australia, PYT Quentin Bryce dan Perdana Menteri Australia, Yang Berhormat Julia Gillard dan semoga rakyat Australia akan menikmati kemajuan dan kesejahteraan.

Sementara itu, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan juga berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Menteri Hal Ehwal Luar Australia, Yang Berhormat Kevin Rudd M.P. bersempena dengan Hari Australia.

Dalam perutusan itu, Duli Yang Teramat Mulia sukacita merakamkan penghargaan kepada Yang Berhormat dan kerajaan serta rakyat Australia sempena hari negara tersebut.

DYTM juga sangat menghargai persahabatan peribadi dan kerjasama erat yang berpanjangan bersama oleh rakyat kedua buah negara dan seterusnya berharap untuk terus mengukuhkan ikatan perhubungan, baik secara dua hala dan sebagai rakan kongsi serantau, khususnya melalui peluang baru yang menarik yang terbuka pada masa ini melalui Persidangan Asia Timur.

## RAMALAN CUACA 3 HARI DARIPADA 26 JANUARI HINGGA 28 JANUARI BAGI BANDAR SERI BEGAWAN, PEKAN MUARA, PEKAN BANGAR, PEKAN TUTONG, PEKAN SERIA DAN PEKAN BELAIT

BANDAR/PEKAN	HARI 1: Rabu	HARI 2: Khamis	HARI 3: Jumaat
	Tarikh : 26/01/2011	Tarikh : 27/01/2011	Tarikh : 28/01/2011
BSB	C: Hujan Berpetir S: 24/32	C: Hujan Berpetir S: 24/32	C: Hujan S: 25/32
Pekan Muara	C: Hujan Berpetir S: 24/32	C: Hujan Berpetir S: 24/32	C: Hujan S: 25/33
Pekan Bangar	C: Hujan Berpetir S: 24/32	C: Hujan Berpetir S: 24/32	C: Hujan S: 25/32
Pekan Tutong	C: Hujan Berpetir S: 24/32	C: Hujan Berpetir S: 24/32	C: Hujan S: 24/32
Pekan Setia	C: Hujan Berpetir S: 25/32	C: Hujan Berpetir S: 25/32	C: Hujan Berpetir S: 25/32
Pekan Belait	C: Hujan Berpetir S: 25/32	C: Hujan Berpetir S: 25/32	C: Hujan Berpetir S: 25/32

C : Cuaca / S : Suhu (minimum dan maksimum),  
Unit: Darjah Celsius (°C).

Sumber: Perkhidmatan Kajucaaca, Jabatan Penerbangan Awam  
Tel: 2330142 sambungan 1888 / 1551

# Brunei - Malaysia tingkatkan kerjasama pendidikan

Dari muka 1

Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin berada di negara ini dalam rangka mengetuai delegasi Malaysia ke Persidangan Majlis SEAMEO Ke-46 (SEAMEC) dan Mesyuarat Menteri Pelajaran ASEAN Ke-6 (ASED) yang akan diadakan dari 26 hingga 29 Januari ini.

Malaysia dan Negara Brunei Darussalam berharap untuk melaksanakan semua aktiviti pendidikan melalui kumpulan kerja bersama yang ada dan akan datang antara Kementerian Pendidikan kedua-dua buah negara.



**TIMBALAN** Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran Malaysia, Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin dan Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong semasa mengadakan Mesyuarat Dua Hala di The Hotel Empire and County Club, Jerudong. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said.

**AMBULANS**  
991

**POLIS**  
993

**BOMBA**  
995

**PENYELAMAT**  
998

**JKR**  
140

**ELEKTRIK**  
144

**NDMC**  
2380214

# Terima sepenuhnya Brunei Darussalam sebagai tanah air

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman

**JERUDONG,** Isnin, 24 Januari. - Setia kepada raja dan negara bererti menerima sepenuhnya Brunei Darussalam sebagai tanah air yang berpemerintahan beraja, dengan falsafah kenegaraannya sebagai negara Melayu Islam Beraja (MIB).

"Awda adalah rakyatnya, seperti mana juga orang lain yang telah diterima menjadi rakyat menurut kuat kuasa undang-undang semenjak tahun 1962," tegas Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman semasa berucap di Majlis Penyampaian Sijil Taraf Kerakyatan Ke-29 berlangsung di Pusat

Pameran Pertahanan Antarabangsa (BRIDEX).

Menurut Yang Berhormat, sememangnya untuk menjadi rakyat Brunei seseorang itu perlu mempersiapkan dirinya dan dalam hal ini Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) sedia sendiri juga perlu siap sedia dengan cekap dan berhemat dalam mengurus Akta Taraf Kebangsaan.

"Akta berkenaan itu adalah dibentuk bagi kepentingan Brunei dalam jangka panjangnya," tegas Yang Berhormat.

Jelas Yang Berhormat, ia adalah hasil pemikiran dan kebijaksanaan generasi pemimpin-pemimpin dan pembesar-pembesar negara hampir enam puluh tahun yang lalu semasa akan membentuk Perlembagaan Negeri Brunei

1959, khasnya pemikiran dan kebijaksanaan Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien pada mengembalikan kedaulatan Brunei dan Rajanya sebagai negara berpemerintahan beraja, dengan falsafah kenegaraannya turun-temurun sebagai negara MIB.

Menyentuh proses pemberian taraf kerakyatan, Yang Berhormat menjelaskan, KHEDN sedang mengambil langkah mempercepatkan proses pemberian taraf kerakyatan kepada penduduk-penduduk tetap yang tidak bertaraf warga negara (*stateless*) itu sesuai dengan undang-undang.

Yang Berhormat berkata, pemberian taraf PR atau Penduduk Tetap kepada warga negara asing yang memohon, dan juga pemberian taraf kerakyatan kepada penduduk-penduduk tetap warga

negara asing yang memohon menjadi rakyat akan juga terus dilakukan dengan berhemat.

Semasa berucap, Yang Berhormat juga menegaskan bahawa pemberian taraf kerakyatan akan diteruskan menurut akta yang berkuat kuasa pada masa ini di mana peruntukan dan syarat-syarat yang ditetapkan di bawah Akta Taraf Kebangsaan yang ada itu ternyata sangat sesuai dengan maksud memelihara kepentingan jangka masa panjang negara dari segi pemberian taraf kerakyatan.

Kata Yang Berhormat, pembangunan dan kemajuan Brunei sebahagianya bergantung kepada tenaga-tenaga dari luar yang datang atau didatangkan menurut Akta Imigresen dan Akta Buruh.

"Kita akan meneruskan dasar menerima rakyat



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman semasa menyampaikan sijil taraf kerakyatan kepada seorang penerima. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said.

asing untuk bekerja atau berniaga atau tinggal bersama keluarga mereka menurut peraturan yang berkuat kuasa," ujar Yang Berhormat.

Dalam waktu yang sama jelas, Yang Berhormat, KHEDN sedang berusaha untuk memastikan pengambilan pekerja rakyat asing oleh majikan-majikan adalah dalam kadar yang benar-benar diperlukan dengan mengambil kira dasar peluang dan pemberian kerja kepada rakyat dan penduduk tetap Brunei.

Seramai 294 orang

telah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mendapat taraf kerakyatan negara dan menerima sijil taraf kerakyatan masing-masing pada majlis itu.

Mereka ini adalah rakyat baru negara ini dari sejumlah orang-orang yang telah mendapat taraf kerakyatan menurut proses undang-undang.

Majlis yang merupakan kali ke-29 seumpamanya itu dimulakan dengan bacaan Ikrar Sumpah Taat Setia oleh semua penerima

Sijil Taraf Kerakyatan.

Daripada 294 penerima itu, 137 adalah secara pendaftaran di Bawah Bab 5(1), 127 orang di Bawah Bab 5(6) dan 30 orang secara penaungan di Bawah Bab 8(1) dari Akta Taraf Kebangsaan.

Majlis tersebut dihasratkan bagi mengalu-alukan selain sebagai tanda penghormatan dan pengiktirafan kepada penerima-penerima yang telah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai rakyat Baginda.

## Bahasa Arab pengantar utama kursus UNISSA

Oleh : Aimi Sani

Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**GADONG,** Sabtu, 22 Januari. - Bahasa Arab adalah bahasa Al-Qur'an yang merupakan bahasa pengantar utama bagi kebanyakan kursus di Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

Ia juga digunakan sebagai salah satu bahasa berkomunikasi di peringkat antarabangsa seperti di Persidangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Bukan itu saja, bahasa arab juga boleh dikatakan bahasa ugama Islam yang sentiasa didengar dan dibaca setiap hari dalam kehidupan seperti dalam sembahyang, doa, zikir dan sebagainya.

Rektor UNISSA, Dr. Haji Serbini bin Haji

Matahir menyatakan perkara tersebut di Majlis Perasmian Bulan Bahasa Arab berlangsung di Dewan Jubilee UNISSA, di sini.

Melihat akan kepentingan Bahasa Arab itu ujarnya, UNISSA melalui Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa telah mengambil inisiatif untuk mengadakan Bulan Bahasa Arab secara tahunan.

Aktiviti ini katanya telah dijalankan sejak tahun pengajian 2008 / 2009 Masihi dan diteruskan pada setiap sesi pengajian.

Juga hadir di majlis tersebut ialah Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Ma-

haraja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, para pensyarah serta para mahasiswa dan mahasiswi UNISSA.

Pada majlis itu Mufti Kerajaan juga menyampaikan ceramah khas bertajuk 'Kepentingan Bahasa Arab dan Hubungannya Dengan Ilmu'.

Majlis tersebut juga diserikan dengan deklamasi puisi, tausyeh dan drama yang dipersembahkan oleh para pelajar UNISSA.

Antara lain Bulan Bahasa Arab bertujuan untuk meluaskan penggunaan bahasa arab yang lebih praktikal di dalam lingkungan kelas dan seterusnya menghidupkan suasana pemakaian bahasa Arab di kalangan para pelajar, di samping menambah, memperka-



MUFTI Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned menyampaikan ceramah khas 'Kepentingan Bahasa Arab dan Hubungannya Dengan Ilmu' di majlis tersebut.

yakan serta melatih para mahasiswa dan mahasiswi supaya memberanikan diri serta membiasakan diri berinteraksi dengan menggunakan bahasa arab baik di dalam maupun luar kampus.

Pada tahun ini UNISSA juga mengadakan pameran buku-buku yang turut melibatkan penyerahan dari Arkib Negara Jabatan Muzium, Pustaka Remaja, Bahr Enterprise dan Syarikat Maktabat.

Pameran buku ini diadakan mulai hari ini hingga 5 Februari 2011 pada hari dan waktu bekerja sahaja iaitu Isnin hingga Khamis bermula pada jam 8.00 pagi hingga 4.30 petang.

## 42,370 diberikan sijil kerakyatan sejak tahun 1962

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman

**JERUDONG,** Isnin, 24 Januari. - Seramai 294 orang menerima Sijil Taraf Kerakyatan masing-masing di Majlis Penyampaian Sijil Taraf Kerakyatan Ke-29 berlangsung di Pusat Pameran Pertahanan Antarabangsa (BRIDEX).

Para penerima mendapat limpah kurnia perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadi rakyat baginda.

Dari jumlah tersebut 137 orang adalah secara pendaftaran di Bawah Bab 5(1), 127 orang di Bawah Bab 5(6) dan 30 orang secara penaungan di Bawah Bab 8(1) dari Akta Taraf Kebangsaan.

Bilangan orang yang diterima menjadi rakyat menurut proses undang-undang sehingga tahun lepas (2010) adalah seramai 42,370 orang.

Dalam tempoh 49 tahun semenjak tahun 1962 terdapat purata seramai 865 orang diterima menjadi rakyat setiap tahun.

Daripada jumlah 42,370 orang itu seramai 24,759 iaitu 58.4 peratus adalah mereka yang tidak berwarga negara yakni *stateless* manakala selebihnya seramai 17,611 orang dari kalangan warga negara asing.

Majoriti penerima taraf kerakyatan adalah terdiri daripada anak-anak yang ibu bapa atau penjaga mereka warga negara Brunei (berjumlah 25,386 orang) iaitu sebanyak hampir 60 peratus yang sebahagiannya adalah anak-anak angkat.

Sementara yang mendapat taraf kerakyatan menerusi perkahwinan iaitu wanita-wanita yang bersuamikan warga negara Brunei adalah seramai 8,988 orang (21 peratus).

Pecahannya menurut bangsa dan puak mencatatkan 5,164 orang adalah berbangsa Melayu, 1,999 Cina, 1,117 puak-puak Borneo dan selebihnya 708 orang terdiri daripada bangsa-bangsa lain.

Manakala dari 42,370 orang yang diberikan taraf kerakyatan itu seramai

21,522 orang (56 peratus) adalah bangsa Melayu, 11,432 (27 peratus) Cina, 5,945 orang (14 peratus) puak-puak Borneo dan selebihnya 3,471 orang (8 peratus) lain-lain bangsa.

Seperti yang disadari pembangunan dan kemajuan negara ini sebahagiannya bergantung kepada tenaga-tenaga dari luar yang datang atau didatangkan menurut Akta Imigresen dan Akta Buruh.

Bilangan pekerja rakyat asing (Laporan Tahunan Perangkaan Jabatan Buruh 2009) mencatatkan lebih 80 ribu orang (82,133 orang) bekerja di negara ini iaitu kira-kira 20 peratus daripada bilangan penduduk Brunei pada masa ini yang berjumlah 414,400 orang.

Jika termasuk pekerja asing di bawah kategori perkhidmatan persendirian, seperti pembantu rumah, pemandu, tukang kebun, yang di ke luaran pas kerja pada tahun 2009, iaitu seramai 21,327 orang maka kadar bilangan rakyat asing yang bekerja di Negara Brunei Darussalam ini adalah 24.96 peratus dari jumlah penduduk.

Pada masa ini (sehingga Disember 2010) jumlah penduduk tetap di Negara Brunei Darussalam yang di ke luaran Permit Masuk menurut Bab 10 Akta Imigresen dan Permit Mastautin daripada Undang-Undang Imigresen 1956 (Undang-Undang No 23 dari 1956) menurut perangkaan yang di ke luaran oleh Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) hampir mencecah 50 ribu orang (49,086 orang) yang mana hampir 21 ribu orang (20,992 orang iaitu kira-kira 43 peratus) adalah '*stateless*'.

Bagaimanapun sebahagian mereka telah mendapat taraf kerakyatan negara ini secara Pendaftaran dan Penaungan Taraf Kebangsaan.

Ke arah ini JIPK juga akan berusaha mengemaskan urusan-urusan pelaksanaan Akta Taraf Kebangsaan termasuk merancang dan melaksanakan kursus-kursus induksi kerakyatan bagi pemohon-pemohon supaya mereka mendapat kesempatan awal yang luas untuk mengintegrasikan atau mengasimilasikan diri mereka ke dalam arus perdana Brunei.



SEBAHAGIAN mahasiswa dan mahasiswi Universiti Islam Sultan Sharif Ali khusyuk mendengar ceramah yang disampaikan oleh tetamu kehormat.

# Kontrak Perjanjian Projek Konsultasi ditandatangani



SETIAUSAHA Tetap, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber, Dato Paduka Dr. Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, menyaksikan Majlis Menandatangani Kontrak Perjanjian Projek Konsultasi 'Pengurangan Sisa Racun Serangga Bagi Tanaman Ekonomik Melalui Kaedah-Kaedah IPM dan Mengukuhkan Keupayaan Dalam Mengenal Pasti Serangga-Serangga dan Pengurusan Hasil' dengan CAB International Southeast and East Asia (CAB ISAEA). - Foto : Abdul Kadir Md. Tahir.

**BANDAR SER BEGAWAN**, Sabtu, 22 Januari. - Jabatan Pertanian dan Agrimakanan menandatangani Kontrak Perjanjian Projek Konsultasi 'Pengurangan Sisa Racun Serangga Bagi Tanaman Ekonomik Melalui Kaedah-Kaedah IPM dan Mengukuhkan Keupayaan Dalam Mengenal Pasti Serangga-Serangga dan Pengurusan Hasil' dengan CAB International Southeast and East Asia (CAB ISAEA), di Bilik Permai, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan di sini.

Menandatangani bagi pihak Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Pemangku Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, Dayang Hajah Aidah binti Haji Mohd. Hanifah, manakala pihak CAB ISAEA ditandatangani oleh Pengarah Serantau, Dr. Loke Wai Hong.

Majlis penandatanganan tersebut disaksikan oleh Penolong Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, Dayang Fuziah binti Haji Hamdan serta Ketua Saintis, CAB ISAEA, Dr. Lum Keng Yeang.

Setiausaha Tetap, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber (KPSSU), Dato Paduka Dr. Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah hadir selaku tetamu kehormat majlis tersebut.

Juga hadir, Timbalan Setiausaha Tetap KPSSU, Dayang Hajah Normah Suria Hayati dan pegawai-pegawai kanan serta pegawai KPSSU.

Oleh :  
**Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**

Matlamat utama projek di bawah Rancangan Kemajuan Negara 2007-2012 itu ialah bagi mengurangkan penggunaan racun kimia pertanian yang berbahaya pada tanaman sayur dan padi menerusi program pembangunan dan peningkatan kecekapan dan kepakaran pegawai dan kakitangan dalam melaksanakan pengurusan musuh dan penyakit tanaman secara bersepadu dan mesra alam selain untuk meningkatkan keberkesanan perkhidmatan dan pengurusan pengecaman dan koleksi rujukan serangga perosak tanaman.

Objektif utama Projek Konsultasi itu ialah untuk merancang dan melaksanakan program amalan pengurusan musuh bersepadu dengan menjalankan prinsip dan konsep pengawalan musuh perosak tanaman padi dan sayur-sayuran secara selamat dan mesra alam yang tidak bergantung sepenuhnya kepada penggunaan racun kimia semata-mata.

Di samping itu, ia juga bertujuan meningkatkan kesedaran dan kefahaman kepada peladang-peladang mengenai masalah-masalah musuh perosak tanaman dan cara-cara mengatasinya melalui program latihan ekstensif pengurusan musuh perosak bersepadu.

Fokus utama program latihan ialah mengenai

penggunaan dan pengu-  
rusan racun kimia secara  
selamat, teknik-teknik  
penyemburan racun ki-  
mia, penggunaan kaedah  
kawalan biologikal dan  
juga peningkatan kapasiti  
kakitangan jabatan dalam  
melaksanakan kerja-kerja  
taksonomi dan penguru-  
san koleksi serangga pe-  
rosak tanaman.

Projek berkenaan akan  
dilaksanakan selama tiga  
tahun yang dibahagikan  
kepada tujuh fasa dengan  
aktiviti utama iaitu mem-  
buat lawatan sambil be-  
lajar ke negara Thailand  
bagi meninjau dan  
mempelajari lebih dekat  
mengenai pelaksanaan  
program pengurusan ber-  
sepadu musuh perosak ta-  
naman padi dan sayur dan  
aktiviti-aktiviti sekolah  
perladangan peladang.

Aktiviti seterusnya ia-  
lah merangka dan mem-  
bentuk program penguru-  
san bersepadu musuh pe-  
rosak tanaman padi dan  
sayur melalui progr-  
am-program latihan,  
bengkel dan pemantauan  
musuh perosak tanaman  
di ladang, membuat progr-  
am kaji selidik kawalan  
biologi dengan membuat  
pemantauan serangga se-  
mula jadi di ladang padi  
dan sayur, melaksanakan  
program latihan penggu-  
naan racun kimia yang  
selamat dan teknik-  
teknik penggunaannya  
bagi pegawai-pegawai  
pembangunan pertanian  
dan peladang.

Di samping itu, aktiviti  
lain termasuk melaksana-  
kan program latihan  
*master trainers* dengan  
menggunakan kaedah  
penglibatan peladang  
secara interaktif penguru-

san bersepadu musuh  
perosak tanaman dan  
melaksanakan peningka-  
tan koleksi spesimen se-  
rangga perosak tanaman,  
program latihan pengawe-  
tan dan pengurusan  
koleksi dan pembentukan  
maklumat-maklumat mu-  
suh perosak tanaman da-  
lam *database* serta progr-  
am latihan peningkatan  
kecekapan dalam ker-  
ja-kerja pengecaman,  
diagnostik dan cara-cara  
mengesan serangga-se-  
rangga perosak utama dan  
serangga pemangsa semu-  
la jadi.

Manakala faedah-fae-  
dah yang diperolehi dari  
pelaksanaan projek ini an-  
tara lain ialah, pegawai  
dan kakitangan yang ter-  
libat dapat mempelajari  
dan memahami kae-  
dah-kaedah pengawalan  
dan pengurusan bersepa-  
du musuh perosak tana-  
man dan kawalan biologi,  
pengumpulan data mak-  
lumat mengenai dengan  
serangga perosak tana-  
man padi dan sayur dan  
syor kawalan bersepadu  
yang lebih berkesan.

Faedah lain ialah bagi  
peningkatan penyimpa-  
nan koleksi spesimen se-  
rangga perosak tanaman,  
tahap pengecaman dan  
jumlah spesimen dan  
penyenaaran serangga  
perosak utama tanaman  
dalam *database*, pengum-  
pulan data maklumat me-  
negeni koleksi serangga  
perosak dan senarai spe-  
sis-spesisnya dalam ben-  
tuk *database* dapat me-  
mudahkan kerja-kerja ru-  
jukan dan memperting-  
katkan lagi kemampuan  
peladang dalam pengawa-  
lan dan pengurusan  
musuh perosak yang  
berkesan dan selamat bagi  
mendukung program  
keselamatan dan sekuriti  
makanan.

## Pemenang Peraduan Menulis Esei 2010 menerima hadiah

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 23 Januari. - Penuntut Brunei yang dalam pengajian School of Oriental and African Studies di Universiti London, Awang Akmal Aji menjuarai bagi Kategori Terbuka Peraduan Menulis Esei 2010 anjuran Brunei Times dengan tajuk esei 'Brunei Darussalam and The Challenge of Globalisation'.

Manakala Laudimer Tye Q Tan daripada Sekolah St. John menjuarai bagi Kategori Sekolah Rendah dengan esei bertajuk 'What I Can Do for Brunei Darussalam' dan Dayang Zuraihah binti Haji Abdul Rahim daripada Sekolah Menengah Rimba muncul juara bagi Kategori Sekolah Menengah dengan esei bertajuk 'Making Brunei Darussalam Cleaner and Greener'.

Tiga pemenang daripada kategori masing-masing menerima hadiah yang disampaikan oleh Pengerusi Brunei Times Sendirian Berhad dan Pengerusi serta Pengarah Urusan Abdul Razak Holdings, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Ratna Setia Dato Setia Awang Haji Abdul Hapidz bin Pehin Orang Kaya Laksamana Haji Awang Abdul Razak berlangsung di Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong di sini.

Para pemenang merupakan di antara 257 peserta yang menyertai peraduan yang mana esei mereka dinilai berdasarkan hubung kait idea para penulis

dengan hal ehwal semasa dan pandangan Negara Brunei Darussalam dalam bahasa Inggeris.

Dalam temu bual bersama wakil PELITA BRUNEI, hasil penulisan esei bagi Dayang Zuraihah adalah berguna dari segi kemahiran dan pemikiran serta menjadikan pilihan sebagai salah satu kerjaya di masa depan.

"Saya menghasilkan karangan esei dengan bantuan guru-guru, keluarga serta kawan-kawan yang mana saya juga pernah menyertai peraduan menulis esei di sekolah dan berharap akan dapat menyertai peraduan pada masa akan datang lagi," katanya.

Peraduan menulis tersebut dihasratkan untuk memberikan saluran aspirasi bagi penulis dari penuntut sekolah serta masyarakat tempatan dalam kemahiran menulis dan menggalakkan budaya membaca serta pandangan dalam hal yang berkaitan dengan Brunei Darussalam di masa akan datang.

Hadiah-hadiah bagi para pemenang adalah sumbangan dari Intracorp (B) Sendirian Berhad, Concepts Computer, Hotel Antarabangsa Rizqun dan Brunei Times Sdn. Bhd., Publisher of Brunei Times serta langganan percuma dari Brunei Times bagi setiap peserta.



PEMENANG Kategori Sekolah Menengah, Dayang Zuraihah binti Haji Abdul Rahim daripada Sekolah Menengah Rimba menerima hadiah daripada Pengarah Urusan Abdul Razak Holdings, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Ratna Setia Dato Setia Awang Haji Abdul Hapidz bin Pehin Orang Kaya Laksamana Haji Awang Abdul Razak.



PEMENANG Kategori Sekolah Rendah, Laudimer Tye Q Tan selain menerima hadiah daripada The Brunei Times Sendirian Berhad dan Concepts Computer juga menerima hadiah daripada penaja IntraCorp Sendirian Berhad.

# JKED bertahlil di Kubah Makam Diraja sempena Hari Kastam Sedunia



PEMANGKU Pengawal Kastam dan Eksais Diraja, Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji A. Rashid bersama pegawai dan kakitangan semasa hadir di Majlis Bertahlil di Kubah Makam Diraja Sempena Sambutan Hari Kastam Sedunia 2011. - Foto : Abdullah Awang Damit.

## JKED sambut Hari Kastam Sedunia

**JERUDONG**, Khamis, 20 Januari. - Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED), Kementerian Kewangan, mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin, Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah serta Doa Kesyukuran sempena Sambutan Hari Kastam Sedunia yang disambut setiap 26 Januari di seluruh dunia di Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampung Jerudong, di sini.

Majlis keagamaan itu dihadiri oleh Pemangku Pengawal Kastam dan Eksais Diraja, Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji A. Rashid selaku tetamu kehormat majlis.

Juga hadir bagi menyertai para jemaah, pegawai-pegawai kanan, pegawai serta kakitangan JKED termasuk penduduk kampung yang tinggal berdekatan.

Majlis juga diselenggarakan



PEMANGKU Pengawal Kastam dan Eksais Diraja, Awang Haji Muhammad Juanda semasa hadir ke Majlis Membaca Surah Yaa Siin, Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah serta Doa Kesyukuran Sempena Sambutan Hari Kastam Sedunia yang disambut setiap 26 Januari di seluruh dunia, di Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampung Jerudong. - Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman.

Oleh : Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim

dengan penyerahan wakaf anggota kerja jabatan berkenaan yang berupa beberapa naskah buku surah-surah pilihan yang

disampaikan oleh tetamu kehormat kepada warga jabatan berkenaan serta para jemaah yang hadir.

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 22 Januari. - Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) mengadakan Majlis Bertahlil dan Doa Arwah bagi ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Kubah Makam Diraja sempena Hari Kastam Sedunia yang disambut pada setiap 26 Januari.

Acara tahunan sempena Sambutan Hari Kastam Sedunia itu dihadiri oleh Pemangku Pengawal Kastam dan Eksais Diraja, Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji A. Rashid.

Turut hadir Timbalan Pengawal Kastam dan Eksais Diraja, Pengiran Haji Aliidin Ansari bin Pengiran Haji Jaafar serta lebih 100 anggota JKED.

Bacaan Tahlil dan Doa Arwah diketuai oleh Penguasa Kastam Kanan, Awang Abdul Rahim bin Begawan Pehin Seri Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Tamin.

JKED adalah salah sebuah jabatan yang tertua ditubuhkan di Negara Brunei Darussalam sejak tahun 1906 dikenali

sebagai Pejabat Kastam.

Penubuhan Pejabat Kastam adalah ekoran termaktubnya Undang-Undang Kastam mengenai tanggungjawab import dan eksport bagi maksud perbelanjaan pentadbiran di bawah kawalan Residen British.

Peranan dan tanggungjawab Pejabat Kastam bukan hanya difokuskan kepada pungutan hasil cukai import dan eksport serta mengawal kegiatan-kegiatan penyeludupan tetapi juga dilartakan kepada hal ehwal kewangan (*treasury*) berikutan penyatuannya dengan Pejabat Perbendaharaan pada tahun 1915.

Sejak Negara Brunei Darussalam mencapai kemerdekaan pada tahun 1984, JKED telah banyak mengalami perubahan dan pembaharuan dalam bidang perkastaman selaras dengan perkembangan semasa ekoran penglibatan jabatan itu dalam pertubuhan perkastaman antarabangsa seperti ASEAN, APEC, ASEM, WCO dan lain-lain lagi.

Selaku ahli kepada Pertubuhan Kastam Sedunia (WCO), Pentadbiran Kastam Negara

Brunei Darussalam melalui JKED bersama negara ahli lain membincangkan, menggubal dan melaksanakan sukatsukats prosedur perkastaman selain sepakat memaklumkan kepada umum akan keterlibatan pentadbiran kastam secara langsung menerusi pengajuran Hari Kastam Sedunia.

Ke arah mendukung matlamat strategik JKED, jabatan ini berjaya menggubal beberapa perundangan dan peraturan yang setara dengan kehendak perkastaman antarabangsa.

Penyediaan perkhidmatan bagi memudah cara perdagangan secara berperingkat-peringkat akan terus disebarluaskan kepada masyarakat agar perubahan-perubahan perundangan, peraturan dan prosedur difahami dan diterima baik oleh masyarakat umum dan pihak pengusaha perdagangan khususnya.

Sejak menjadi ahli kepada WCO pada tahun 1996, JKED buat pertama kalinya mengadakan sambutan Hari Kastam Sedunia pada tahun 2001.

Hari Kastam Sedunia adalah bagi memperingati penubuhan WCO sejak tahun 1952.

## Adat Istiadat Brunei perlu diperkukuhkan dan diamalkan

Oleh : Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 20 Januari. - Adat Istiadat Brunei yang diwarisi akan terus diperkukuhkan dan diamalkan dengan sempurna dan teratur oleh seluruh lapisan masyarakat di negara ini.

Penolong Yang Dipertua Adat Istiadat Negara,

Jabatan Adat Istiadat Negara (JAIN), Pengiran Dr. Hidop bin Pengiran Haji Samsuddin berkata, setiap negara mempunyai adat istiadat sendiri antaranya menghormati satu sama yang lain.

Dalam ceramahnyanya bertajuk 'Adat Istiadat Brunei' kepada para peserta Bengkel Adat Istiadat di Dewan Persantapan Lapau, JAIN, di ibu negara, di sini.

Seramai 46 Jururawat dan pegawai-pegawai Perubatan Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) menyertai bengkel sehari yang bertujuan untuk mendapatkan pengalaman dan pengetahuan yang lebih mendalam mengenai cara berkomunikasi dengan keluarga kerabat diraja, orang-orang yang bergelar dan pengiran-pengiran dan serta mempelajari Bahasa Terasul.

Semasa bengkel tersebut, para peserta telah mendengar ceramah 'Bahasa Dalam dan Kepentingannya'



PENOLONG Yang Dipertua Adat Istiadat Negara, Jabatan Adat Istiadat Negara, Pengiran Dr. Hidop bin Pengiran Haji Samsuddin semasa menyampaikan ceramah 'Adat Istiadat Brunei'. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said .

dan 'Terasul dan Bahasa Pengganti Diri' serta bengkel 'Meningkatkan'.

Bengkel yang dikendalikan oleh Pentadbiran Kejururawatan, Hospital RIPAS itu diharatkan bagi memberikan keyakinan diri kepada kakitangan hospital dalam memberi rawatan kepada pesakit terutama dengan keluarga kerabat diraja, orang-orang yang bergelar dan pengiran-pengiran.

## Perwakilan UNISSA hadiri simposium antarabangsa

Berita dan Foto : Ihsan UNISSA

**BANDAR SERI BEGAWAN**. - Serombongan tiga perwakilan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) bertolak ke Bangladesh bagi menghadiri Simposium Antarabangsa 'Membayangkan Satu Lagi Masa Depan Asia : Pemikiran-Pemikiran dan Laluan Bagi Pertukaran (Imagining Another Future For Asia : Ideas And Pathways For Exchange) bertempat di Asian University for Women, Dhaka.

Mewakili UNISSA ke simposium tersebut ialah Timbalan Pendaftar

UNISSA, Dayang Hajah Surianah binti Haji Alias bersama dua mahasiswi, masing-masing pelajar Tahun Tiga Fakulti Usuluddin dan Tahun Dua Fakulti Syariah dan Undang-Undang.

Hadir bagi mengucapkan selamat berlepas di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei ialah Timbalan Dekan Pelajar, Dayang Kujaimah @ Hannan binti Haji Abdul Kahar.

Simposium antarabangsa tersebut dijangka akan turut membariskan beberapa pemimpin dan individu



DEKAN Pelajar, Dayang Kujaimah @ Hannan binti Haji Abdul Kahar bersama perwakilan Universiti Islam Sultan Sharif Ali ke Bangladesh bagi menghadiri Simposium Antarabangsa 'Membayangkan Satu Lagi Masa Depan Asia : Pemikiran-Pemikiran dan Laluan Bagi Pertukaran (Imagining Another Future For Asia: Ideas And Pathways For Exchange) bertempat di Asian University for Women, Dhaka.

yang tidak asing lagi, antaranya Rajendra K Pachauri, Pengerusi Panel Antara Kerajaan Mengenai

Perubahan Iklim dan Pemenang Novel Anugerah Keamanan 2007; Sheikh Abdullah Al-Misnad,

# Pendidikan penting dalam pembinaan insan, negara

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 20 Januari. - Pendidikan adalah kunci kejayaan yang mana bagi keluarga miskin ia memberikan peluang kepada mereka untuk keluar dari putaran kemiskinan.

Selain dari itu pendidikan juga mempunyai kuasa yang cukup penting dalam pembinaan diri seorang insan sekali gus pembinaan sebuah negara.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Hajah Adina binti Othman menekankan perkara itu di Majlis Graduation Pelajar Pra U2 Tahun 2011 berlangsung di Songket Ballroom, Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong.

Menurut Yang Mulia, sosialisasi pendidikan kepada setiap individu merupakan satu kewajaran yang tidak boleh dipertikaikan lagi dan dengan

Perintah Pendidikan Wajib 2007 tidak akan ada kanak-kanak di negara ini yang tercicir kerana rahmat dari perintah ini memaksa setiap ibu bapa menghantar anak-anak mereka ke sekolah.

Dengan itu tambah Yang Mulia, setiap kanak-kanak di negara ini akan berpeluang menikmati pendidikan dan dengan itu juga asas-asas pendidikan moral dan etika hidup dapat disampaikan dengan lebih mudah dan berkesan.

Yang Mulia menjelaskan, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa memberi keutamaan kepada pendidikan rakyat negara ini.

"Kini Negara Brunei Darussalam adalah unik kerana bukan sahaja menyediakan perkhidmatan pendidikan secara percuma, malah bagi pengajian tinggi, penuntut-penuntut

dibayar elauan untuk meneruskan pelajaran," ujar Yang Mulia.

Ini kata Yang Mulia jelas menunjukkan keprihatinan kerajaan baginda untuk menggalakkan rakyat negara ini untuk mencapai pendidikan dan kemahiran tinggi.

Beliau menambah, kerajaan sentiasa menitikberatkan aspek pembangunan modal insan dengan menyediakan pelbagai insentif bagi memberikan ruang kepada generasi muda membina potensi diri mereka.

Ini ujarnya, merupakan strategi terbaik bagi mempersiapkan negara untuk berdepan dengan cabaran baru dunia hari ini.

"Kita harus sedar, bahawa semua negara boleh menyediakan pelbagai prasarana dan dasar, tetapi pada masa akan datang yang membezakan sesebuah negara dengan negara yang lain iaitu kualiti modal insan yang dimiliki," tegasnya.

Sehubungan dengan itu

katanya, pembangunan sumber manusia adalah penting, kerana perjuangan kita hari ini bergantung kepada kualiti tenaga manusia yang kita hasilkan melalui sistem pendidikan.

Katanya, sekolah bagaikan satu industri memproses manusia daripada rebusan yang mentah kepada suatu bentuk kehidupan yang mempunyai kualiti dan berfaedah serta sedar tanggungjawab guru semakin mencabar kerana kehendak dan cabaran hidup semakin meningkat.

Tidak dapat dinafikan katanya, bahawa Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan (MSPBS) merupakan salah sebuah institusi pendidikan di negara ini yang bermutu tinggi dan kejayaan ini adalah hasil dari usaha gigih para pengajar dan pelajar di maktab ini.

Menyentuh generasi muda masa kini beliau berkata, mereka perlu memiliki pola fikir yang konstruktif, kreatif dan



**TIMBALAN** Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Hajah Adina binti Othman semasa menyampaikan sijil kepada Dayang Noryazwani binti Masri. - Foto : Azmah Haji Ahad.

inovatif, memiliki pola tindak yang berani dan proaktif, serta memiliki wawasan hidup dengan meletakkan kecemerlangan sebagai kata keramat yang perlu dicapai.

Jelasnya, untuk mencapai semua ini resipi utama yang perlu ada pada diri pelajar ialah ilmu pengetahuan, kerana dalam dunia hari ini yang begitu pelbagai tuntutan dan cabarannya seolah-olah mensyaratkan ilmu pengetahuan sebagai prasyarat utama untuk mencapai kecemerlangan dalam bidang apa pun.

Yang Mulia juga mengingatkan bahawa menajana kecemerlangan memerlukan usaha berterusan yang diadun dengan

teras keimanan dan ketakwaan, kerana kita tidak mahu berlaku akademik cemerlang tetapi sahshiah diri kecundang.

Ini tegasnya kerana kita mahu melihat beliau yang berjiwa besar yang mempunyai identiti, berakhlak tinggi dan mempunyai nilai-nilai murni yang dapat membangun Negara Brunei Darussalam hingga mencapai Wawasan 2035 sebagai negara yang mempunyai rakyat yang ber-talenta dan berkemahiran tinggi.

Majlis seumpamanya buat pertama kali diadakan pada tahun 2003 bagi meraikan seramai 138 pelajar, manakala Majlis Graduation Ke-9 ini adalah bagi meraikan 160

pelajar yang menerima sijil tamat pengajian masing-masing.

Terdahulu Pemangku Pengetua MSPBS, Dayangku Sarimah binti Pengiran Haji Ahmad dalam ucapannya melahirkan rasa bangga kerana sebahagian daripada penuntut maktab tersebut dapat mengekalkan prestasi akademik, di samping menyerlah dalam bidang kokurikulum sekali gus mengharumkan nama maktab dan negara bahkan merupakan sebuah maktab yang paling ramai menerima anugerah Biasiswa Khas yang ditawarkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk melanjutkan pengajian di luar negara.

## Pelajar jangan lupa sembahyang selain hafalan Al-Qur'an

Oleh : Nooratini Haji Abas, Siti Nadieya Haji Rahime  
Foto : Abdul Kadir Md. Tahir

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 20 Januari. - Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Harun bin Haji Juned menjelaskan kejayaan para pelajar memasuki Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITAQSHHB) adalah merupakan berkat

usaha, tunjuk ajar dan asuhan yang baik daripada ibu bapa serta menyarakannya untuk mengamalkan berterusan dengan membuat secara istiqamah yang akan melahirkan para pelajar yang menjadi kebanggaan Negara Brunei Darussalam.

Dalam pada itu, beliau juga menyentuh beberapa perkara khususnya dalam bidang Al-Qur'an tentang fadilat dan latihan orang-orang yang membaca Al-Qur'an akan diberikan ganjaran pahala dan cahaya daripada Allah Subhanahu Wata'ala

di akhirat nanti.

Di kesempatan itu, beliau juga menekankan kepada para pelajar yang baru supaya tidak melepaskan peluang untuk mempelajari apa-apa jua ilmu yang berkaitan dengan Al-Qur'an lebih lagi pada bidang menghafal dan menghafaz.

Selain dari bidang hafalan Al-Qur'an, para pelajar diseru agar tidak melupakan perkara yang wajib seperti sembahyang fardu lima waktu dan lain-lain lagi dalam mendapat keberkatan dan memudahkan para pelajar

sendiri.

Sementara itu, Pengetua ITAQSHHB, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh berharap para pelajar baru hendaklah bersedia untuk menerima budaya dan pembelajaran baru yang agak berlainan dari institusi pengajian lain.

Beliau juga menegaskan agar para pelajar mematuhi segala aturan dan peraturan institut berkenaan dan berazam secara berterusan untuk menjadi seorang pelajar yang berakhlak Al-Qur'an yang akan menjadi *role model*



**TIMBALAN** Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Harun bin Haji Juned menyerahkan Mushaf Al-Qur'an kepada seorang pelajar lelaki baru Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITAQSHHB) Sesi 1432H/2011M.

kepada keluarga dan masyarakat serta menjadi seorang *huffaz* yang berkualiti dan menjadi aset yang sangat tinggi nilai kepada negara, bangsa dan agama.

Seramai 67 calon pelajar yang terdiri dari 40 pelajar lelaki dan 27 pelajar perempuan yang berjaya terpilih memasuki ITAQSHHB Sesi 1432H/2011M diraikan di Dewan Kuliah, institut berkenaan.

Terdahulu sebelum itu, majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Qur'an yang dibacakan

oleh pelajar Tahun 8 ITAQSHHB, Awang Irma Muhammad Rafiq bin Haji Matussin.

Majlis diteruskan dengan penyerahan mushaf Al-Qur'an kepada pelajar baru yang disampaikan oleh tetamu kehormat majlis dan seterusnya pembacaan ikrar yang diketuai oleh wakil pelajar Tahun 7, Awangku Muhammad Jamilul Alam bin Pengiran Haji Mohd. Tejudin.

Acara kemuncak majlis diserikan dengan akad penyerahan para pelajar oleh wakil ibu bapa

kepada Timbalan Pengetua Akademik ITAQSHHB selaku wakil institut, Awang Haji Muhammad bin Mat Lazim.

Majlis bertujuan bagi meraikan kemasukan para pelajar baru yang telah selesai menjalani minggu *ta'aruf* (orientasi) mereka yang diadakan selama lima hari bermula pada 16 Januari yang lepas.

Juga hadir pegawai-pegawai kanan KHEU, pegawai dan kakitangan ibu bapa dan para pelajar ITAQSHHB.



**PELAJAR** baru ITAQSHHB semasa membaca ikrar di Majlis Kemasukan Pelajar Sesi 1432H/2011M di Dewan Kuliah, institut berkenaan.

# BSP terima kereta baru bomba, ambulans

Berita dan Foto: Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

**SERIA,** Jumaat, 21 Januari. - Syarikat Minyak Brunei Shell (BSP) secara berterusan memberi tumpuan penuh terhadap keselamatan di setiap bahagian operasinya dan sebagai usaha ke arah itu syarikat berkenaan mengadakan Majlis Kesyukuran Penyerahan Kereta Baru Bomba dan Ambulans bertempat di Stesen Bomba dan Tanggungjawab Kecemasan (ER) BSP, di sini.

Sebanyak lapan buah kereta baru bomba jenis Mercedes-Benz termasuk tujuh buah bagi penggunaan memadam kebakaran dan sebuah bagi HAZMAT serta tiga buah kereta ambulans dari pembekal Syarikat Pengangkutan Jati Transport Sendirian Berhad diserahkan kepada BSP disempurnakan oleh Pengurus Am Syarikat tersebut, Field Mayor dan rakan pengurus dari Syarikat Tendrill Sendirian Berhad, Pengiran Irwan bin Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman kepada Pengarah Urusan

BSP, Dr. Grahaeme Henderson.

Kereta-kereta baru model Actros tersebut dipertingkatkan lagi dengan peralatan teknologi memadam kebakaran yang terkini dari Mercedes-Benz Jerman dan S K Rosenbauer Austria yang membekalkan peralatan dan keupayaan memadam kebakaran bagi setiap kereta tersebut.

Selain itu kereta-kereta baru BSP itu dibekalkan dengan keupayaan reaksi kecemasan yang sangat baik dan ditambah dengan peralatan kecemasan pelaksanaan yang tinggi dan lebih canggih untuk pekerjaan dan latihan kakitangan bomba BSP.

Majlis tersebut merupakan satu lagi mercu tanda dalam usaha ke arah mencapai visi syarikat mengenai keselamatan, sasaran sifar.

Sasaran sifar menjadi matlamat syarikat untuk tidak mendatangkan kecederaan kepada manusia sejajar dengan tanggungjawab korporat syarikat



MAJLIS Penyerahan Kereta Bomba dan Ambulans BSP yang disempurnakan oleh Pengurus Am syarikat tersebut, Field Mayor dan rakan pengurus dari Syarikat Tendrill Sendirian Berhad, Pengiran Irwan bin Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman kepada Pengarah Urusan Syarikat Minyak Brunei Shell (BSP), Dr. Grahaeme Henderson.

dan polisi Kesihatan, Keamanan, Keselamatan, Persekitaran (HSSE) dan Pencapaian Sosial.

Hadiri di majlis tersebut, Pegawai Pemerintah Bomba dan Penyelamat Daerah Belait, Penguasa Kanan Abdul Azis bin Haji Mohamad dan wakil-wakil Jabatan Bomba BSP, Syarikat Jati Transport, Daimler South East Asia, Rosenbauer dan

Tendrill.

Dr. Grahaeme Henderson dalam ucapannya berkata, penyerahan tersebut merupakan satu lagi mercu tanda sejarah bagi BSP selain mengukuhkan tumpuan untuk mengutamakan aspek keselamatan dalam setiap operasinya.

Matlamatnya untuk menjaga keselamatan kakitangan syarikat dari sebarang bahaya sama ada

di luar pantai atau kawasan pantai di samping memastikan setiap pekerja pulang ke rumah dengan selamat untuk bertemu keluarga setiap hari bekerja.

Stesen Bomba dan ER BSP ditubuhkan pada tahun 1946 selepas pendudukan Jepun dalam Perang Dunia Kedua.

Pada waktu itu ia dikenali sebagai Pasukan



PENGARAH Urusan BSP, Dr. Grahaeme Henderson semasa meninjau ruang dalam kereta ambulans yang diserahkan.

Bomba BSP dianggotai seramai 30 ahli dengan tiga buah kenderaan tentera yang diubahsuai menjadi Trak Pemadam Kebakaran.

Ketika ini ia mempu-

nyai 39 ahli pemadam kebakaran termasuk dua ahli bomba wanita, enam pegawai dan 18 ahli bomba tambahan yang hanya bertugas jika menerima panggilan.

**“PENYERAHAN tersebut merupakan satu lagi mercu tanda sejarah bagi BSP selain mengukuhkan tumpuan untuk mengutamakan aspek keselamatan dalam setiap operasinya.”**

- Dr. Grahaeme Henderson

## Aktiviti gotong-royong semai rasa kekitaan

Oleh : Hezlinawati Haji Abd. Karim

**TEMBURONG,** Jumaat, 21 Januari. - Aktiviti gotong-royong yang dulunya menjadi kelaziman para penduduk kampung masih diamalkan dalam era globalisasi ini tanpa mengenal bangsa dan kaum mahupun kelompok masyarakatnya.

Ini dapat dilihat dengan berlangsungnya Majlis Gotong-Royong Membersihkan Kawasan Rumah Panjang Kampung Tanjung Bungar, Mukim Batu Apoi, di sini.

Kerja-kerja gotong-royong dijalankan oleh ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) Tanjung Bungar dan penduduk sekitarnya dengan dibantu oleh para pegawai dan kakitangan dari Jabatan Daerah Temburong dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) Cawangan Temburong.



AKTIVITI gotong-royong membersihkan kawasan Rumah Panjang Kampung Tanjung Bungar, Mukim Batu Apoi. - Foto : Nurhidayah Haji Kamis.

Kerja-kerja gotong-royong yang merupakan aktiviti tahunan MPK Tanjung Bungar itu tertumpu di kawasan tepi jalan sepanjang jalan masuk ke rumah panjang dan kawasan sekitar Rumah Panjang Kampung Tanjung

Bungar.

Dengan wujudnya semangat bantu-membantu dan saling bekerjasama antara penduduk kampung itu diharapkan akan dapat menimbulkan rasa kekitaan yang tulen di samping merapatkan lagi silatu-

rahim di kalangan mereka.

Aktiviti seumpamanya juga secara tidak langsung dapat membantu hasrat negara dalam sama-sama menjaga dan mengekalkan kehijauan serta keindahan alam sekitar di negara ini.

## 31 kompaun dikeluarkan kerana merokok di tempat yang ditegah

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 24 Januari. - Unit Penguatkuasaan, Bahagian Kawalan Tembakau, Kementerian Kesihatan mengeluarkan 31 denda kompaun kepada orang-orang yang didapati merokok di tempat yang ditegah merokok iaitu satu kesalahan di bawah Bab 14 Perintah Tembakau 2005 dalam beberapa operasi yang dilakukan di beberapa buah tempat awam di kawasan Gadong dan Jalan Batu Satu pada hujung Minggu yang lalu.

Mereka yang melakukan kesalahan tersebut termasuk dua wanita tempatan dikenakan denda kompaun sebanyak BND150 seorang.

Menurut siaran akhbar Kementerian Kesihatan, seramai empat remaja berumur di bawah 18 tahun termasuk seorang remaja perempuan juga didapati memiliki rokok dan merokok di tempat yang ditegah merokok.

Remaja-remaja berkenaan akan dimasukkan ke dalam program kaunseling dengan kerjasama ibu bapa dan penjaga mereka.

Kementerian Kesihatan terus

mengingatkan orang ramai bahawa sesiapa yang didapati merokok di tempat-tempat yang ditegah merokok di bawah Perintah Tembakau 2005 dan Peraturan-peraturannya 2007 boleh dikenakan kompaun sebanyak BND150 bagi kesalahan pertama, BND300 bagi kesalahan kedua dan bagi kesalahan seterusnya, akan dihadapkan ke mahkamah dan didenda sehingga BND1,000 jika sabit kesalahan.

Pada tahun 2010, sebanyak 201 denda kompaun dikeluarkan di seluruh negara kepada mereka yang didapati merokok di tempat-tempat yang ditegah merokok.

Di antara kawasan-kawasan awam yang ditegah merokok termasuk kaki lima kedai, pusat membeli belah, pasar, gerai tamu, stesen bas, perhentian bas, restoran, kedai makan dan bangunan-bangunan kerajaan.

Kementerian Kesihatan akan sentiasa melakukan pemantauan di tempat-tempat yang ditegah merokok dan mengambil tindakan terhadap mereka yang melanggar undang-undang.

## Vertical development jimatkan penggunaan tanah

Dari muka 2

Berikutan dengan itu, kementerian perhubungan kini menimbangkan *vertical development* sebagai satu *option* yang boleh difikirkan secara serius, dengan cara *vertical development* di mana penghuni akan memiliki apartmen dan bukannya rumah seperti yang ada sekarang, kita akan dapat meningkatkan kepadatan atau *density* di kawasan-

kawasan yang sudah dikenal pasti yang setentunya dapat menjimatkan penggunaan tanah untuk kegiatan ekonomi. Pihak kementerian akan mengkaji bentuk bangunan yang sesuai yang boleh memberi keselesaan kepada penghuni-penghuni ini termasuklah menyediakan beberapa kemudahan seperti tempat bagi beriadah membeli belah dan sebagainya. Adalah diharapkan perumahan secara *vertical* ini akan dapat

diterima masyarakat khususnya bagi mereka yang memerlukan perumahan.

Di samping menambah jumlah bilangan rumah-rumah di bawah STKRJ dan Skim Perumahan Negara, Kementerian Pembangunan juga baru-baru ini mendapat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memulakan kerja-kerja membi-

na rumah di Kampung Air sebagai usaha untuk membina semula dan membaikkan Kampung Air secara berperingkat, agar lebih selesa, dengan dibekalkan segala kemudahan yang utama selaras dengan usaha menjadikan Negara Brunei Darussalam sebuah negara yang *most liveable* di dunia. Insya Allah, fasa 1 projek ini yang mengandungi 56 buah rumah akan dimulakan dan siap pada tahun ini.

Untuk menjadikan Bandar kita teratur dan kehidupan kita di bandar ataupun di mana saja, selesa tidaklah semata-mata terletak di bahu kerajaan atau dipertanggungjawabkan kepada kementerian pembangunan sahaja. Kita semua ada peranan dan tanggungjawab kita secara individu mahupun sebagai satu kelompok masyarakat setempat (*as a community*) untuk memastikan bahawa persekitaran kita teratur bersih, aktiviti kita tidak

mencemar alam, kita tidak sewenang-nya membuang sampah, membiarkan rumput panjang di kawasan rumah, dan sebagainya, yang boleh sahaja menjejaskan keharmonian kita dengan keadaan sekeliling. Dengan adanya kesedaran dan usaha kita selaku individu dan selaku satu *community* kita akan dapat menyumbang kepada keindahan negara kita dan kepada kehidupan yang harmoni.

Mengakhiri ucapan ini,

saya mengucapkan banyak terima kasih kepada semua yang hadir penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung atas sokongan yang telah diberikan kepada kementerian pembangunan dan jabatan-jabatan dibawahnya yang mana ini akan menjadi dorongan kepada kementerian pembangunan dan semua kakitangan nya melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka dengan penuh kesungguhan.



# Kelulusan, kemahiran graduan ITB *marketable*

## InfoDAY EXPO@ITB perkenalkan pelbagai program ditawarkan

Oleh :  
Hajah Siti Zuraihah  
Haji Awang Sulaiman  
Foto :  
Ramli Tengah

**TUNGKU**, Khamis, 20 Januari. - Ekspo Hari Maklumat Institut Teknologi Brunei (InfoDAY EXPO@ITB) akan berlangsung selama dua hari, bertujuan untuk memperkenalkan kepada para pelajar yang berpotensi bagi mengikuti program-program yang ditawarkan di institut berkenaan serta mendedahkan pelbagai prospek kerjaya.

Ekspo yang diadakan di kampus ITB itu dibukakan kepada kunjungan orang ramai terutama sekali bagi penuntut-penuntut yang ingin melanjutkan pengajian mereka ke peringkat universiti.

Pelbagai agensi kerajaan dan sektor swasta antaranya Shell Petroleum Company Sdn. Bhd., Brunei LNG Sdn. Bhd., Standard Chartered Bank, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Royal Brunei Technical Services, Dst Communications Sdn. Bhd. dan lain-lain agensi menyertai ekspo tersebut.

Selain itu, ia juga memberikan maklumat pekerjaan dan peluang-peluang lain serta untuk mengadakan perbincangan secara tidak rasmi dengan para majikan-majikan yang turut serta.

Juga diadakan pada ekspo ini ialah sesi temuduga dan pembentangan maklumat kerjaya oleh wakil-wakil industri serta maklumat program akademik, pengajaran dan pembelajaran di institut berkenaan.

Para pengunjung juga berpeluang melawat ke makmal-makmal yang terdapat di kampus berkenaan di mana makmal dilengkapi dengan peralatan teknik dan teknologi yang lengkap untuk mengajar bagi kegunaan para mahasiswa.

Mini pameran mengenai projek akhir tahun mahasiswa ITB juga dipamerkan yang bertujuan bagi memberikan idea kepada orang awam tentang apa yang dipelajari selama program pengajaran mereka.

Dengan tema '25 Tahun Berhubung Dengan Masyarakat', ekspo berkenaan mencerminkan usaha dan langkah berterusan ITB untuk melebarkan rangkaian



**TIMBALAN** Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Awang Mohd. Riza bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos selaku tetamu kehormat hadir di Majlis Perasmian 'InfoDAY EXPO @ITB' 2011.



**TETAMU** kehormat semasa melawat salah satu ruang bilik bagi *Walk-in interview* yang terdapat di pameran 'InfoDay EXPO@ITB'.

semasanya, meningkatkan hubungan-hubungan dengan masyarakat secara keseluruhan dan menyediakan satu landasan bagi pertukaran maklumat antara institut berkenaan, industri, jabatan-jabatan kerajaan, agensi-agensi lain, orang awam serta para graduan.

ITB ditubuhkan pada Januari 1986 dengan pengambilan pertama seramai 58 orang pelajar dalam tiga program *High National Diploma* (HND) yang berlainan iaitu HND dalam Pengajian Perdagangan, HND dalam Kejuruteraan Elektronik dan Elektrikal dan HND dalam Pengajian Komputer.

ITB telah berkembang dan dinaikkan taraf kepada sebuah universiti pada 18 Oktober 2008 oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan ianya merupakan salah sebuah daripada tiga universiti di negara ini.

**SEJAK penubuhannya, ITB telah melahirkan seramai 3,336 graduan HND yang mana termasuk seramai 354 yang telah menamatkan pengajian mereka pada Disember 2010 yang lalu. Tahun ini, ITB mencipta satu lagi pencapaian di mana ITB menyambut 25 tahun Jubli Perak penubuhannya dengan pelbagai aktiviti telah dirancang bagi memperingati sambutan berkenaan dari bulan Januari hingga Mei 2011 dengan slogan (tagline) '25 years of Accomplishments and The Journey Beyond'.**

Sejak penubuhannya, ITB telah melahirkan seramai 3,336 graduan HND yang mana termasuk seramai 354 yang telah menamatkan pengajian mereka pada Disember 2010 yang lalu.

Tahun ini, ITB mencipta satu lagi pencapaian di mana ITB menyambut 25 tahun Jubli Perak penubuhannya dengan pelbagai aktiviti telah dirancang bagi memperingati sambutan berkenaan

an dari bulan Januari hingga Mei 2011 dengan slogan (*tagline*) '25 years of Accomplishments and The Journey Beyond'.

Selain itu ITB juga akan mengadakan Majlis Makan Malam Jubli Perak, penerbitan buku dan risalah sejarah yang berkisar pencapaian ITB selama 25 tahun, penubuhan Pusat Kajian Keselamatan Jalan Raya dan Pusat Inkubasi serta Majlis Konvokesyen.

Oleh :  
Hajah Siti Zuraihah  
Haji Awang Sulaiman

**TUNGKU**, Khamis, 20 Januari. - Kelulusan dan kemahiran yang diperolehi para graduan Institut Teknologi Brunei (ITB) diharap dapat membentuk sifat-sifat inovatif dan ingin berdirika (*entrepreneurial*) di dalam diri mereka yang mana sikap sedemikian itu bukan saja *marketable* tetapi juga akan menjadikan mereka lebih kompetitif apabila memasuki pasaran buruh.

Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU), Awang Mohd. Riza bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos menyatakan perkara itu di Majlis Pembukaan Ekspo Hari Maklumat ITB (InfoDAY EXPO@ITB) berlangsung di institut berkenaan, di sini.

Menurutnya, sejak penubuhan ITB pada bulan Januari 1986 telah berjaya melahirkan graduan-graduan yang berkebolehan untuk diserapkan ke dalam tenaga kerja (*labour pool*) di negara ini dan penglibatan mereka adalah secara langsung telah menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

Ekspo tersebut jelas beliau diharap akan menjadi platform bagi graduan-graduan lepasan ITB dan institusi vokasional dan teknikal lain untuk mendalami dan memahami lagi peluang-peluang yang boleh diterokai dalam perusahaan dan perniagaan.

"Saya menyarankan supaya pihak ITB akan dapat mempertingkatkan usaha bagi membanyakkan peluang-peluang bekerjasama dengan pihak swasta atau pihak kerajaan yang berkenaan dalam membentuk program pembelajaran dan latihan yang boleh menyokong pembangunan ekonomi negara," ujarnya.

Beliau seterusnya berkata, Perkembangan Sumber Tenaga Manusia (HRD) dan pembentukan kemahiran di sesebuah negara adalah merupakan usaha yang



**TIMBALAN** Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama Awang Mohd. Riza bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos semasa berucap dan seterusnya merasmikan 'InfoDAY EXPO @ITB' 2011, berlangsung di Kampus Kekal Institut Teknologi Brunei (ITB).

sangat penting dalam membantu pembangunan ekonomi secara berterusan dan mampan.

HRD yang berkesan jelasnya akan membolehkan banyak tenaga kerja yang berkebolehan yang dapat menyumbang secara langsung kepada pembangunan negara.

Tambahnya, KPSSU serta lain-lain agensi Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam menyedari perkara itu telah merangka perancangan bagi meningkatkan perkembangan sumber tenaga manusia yang difikirkan bersesuaian ke arah Wawasan Brunei 2035.

KPSSU jelasnya lagi akan terus meneliti keperluan dan akan terus bekerjasama dengan agensi-agensi yang berkenaan termasuk institusi-institusi pembelajaran dalam merangka seterusnya program pembangunan kapasiti manusia dari semasa ke semasa.

## Ekspo Hari Maklumat ITB dapat sambutan menggalakkan

Oleh :  
Rohani Haji Abdul  
Hamid, Aimi Sani  
Foto :  
Azmah Haji Ahad

**TUNGKU**, Jumaat, 21 Januari. - Lebih 1,500 pengunjung yang terdiri daripada para penuntut dan ibu bapa serta lepasan-lepasan graduan berkunjung ke meja maklumat yang lebih dikenali sebagai Ekspo Hari Maklumat ITB (InfoDAY EXPO@ITB).

Ekspo dua hari yang bermula 20 Januari hingga 21 Januari berakhir dengan Majlis Penutupan yang berlangsung di Institut Teknologi Brunei (ITB) di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Penolong Naib Canselor, Jennifer Hiew yang juga menyampaikan sijil kepada seramai 25 agensi-agensi kerajaan dan swasta yang terlibat dalam ekspo berkenaan.

Wakil PELITA BRUNEI sempat menemu bual, Pengarah Pejabat Antarabangsa dan Perhubungan Awam, Dr. Haji Supry bin Haji Ladi berkata beliau merasa gembira dengan sambutan yang begitu menggalakkan daripada orang ramai terutama sekali para pelajar malahan juga para ibu bapa dalam mencari maklumat mengenai dengan program dan maklumat pembelajaran bagi anak-anak mereka.

Ekspo tersebut jelasnya, memainkan peranan penting bagi memberi maklumat secara terperinci kepada para lepasan yang menamatkan pengajian di ITB dari segi prospektif karier dan mem-



**PEMANGKU** Penolong Naib Canselor Institut Teknologi Brunei, Jennifer Hiew semasa menyampaikan sijil penghargaan kepada seorang pegawai daripada salah sebuah agensi yang terlibat dalam menyertai acara Ekspo Hari Maklumat ITB (InfoDAY EXPO@ITB).

bantu para lepasan graduan untuk terus ke peringkat akhir pengajian mereka.

Ekspo Hari Maklumat adalah acara tahunan yang dikendalikan oleh universiti berkenaan yang diadakan pada bulan Januari atau pun Februari setiap tahun yang terbuka khususnya bagi pelajar-pelajar yang berminat untuk memasuki universiti berkenaan walaupun keputusan A level atau Diploma Kebangsaan belum dikeluarkan.

Menurutnya, ITB akan sentiasa bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan dan swasta dalam membantu para lepasan graduan atau orang ramai yang ingin melanjutkan pelajaran di universiti berkenaan atau luar negeri dan memberi bantuan penempatan kerja kepada pelajar-pelajar sebagai usaha ITB dalam menampilkan peranannya sebagai institusi pembelajaran untuk menonjolkan kepada orang awam agar ITB dikenali sebagai



**PENGARAH** Pejabat Antarabangsa dan Perhubungan Awam, Institut Teknologi Brunei, Dr. Haji Supry bin Haji Ladi semasa ditemu bual oleh wakil PELITA BRUNEI.

'Pusat Kecemerlangan Pembelajaran' di negara ini.

Antara lain objektif Ekspo Hari Maklumat tersebut diadakan untuk memberi informasi kepada orang ramai dan para penuntut akan program-program yang ditawarkan oleh ITB.

# Kedutaan Republik Islam Iran raikan qari negara

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 19 Januari. - Dua orang qari yang menyertai Pertandingan Membaca dan Menghafaz Al-Qur'an Bagi Penuntut-penuntut Islam Antara-bangsa Ke-3 di Kota Mashhad, Republik Islam Iran diraikan di Majlis Penghargaan yang berlangsung di kediaman Kedutaan Besar Republik Islam Iran, Kampung Kiarong, di sini.

Perwakilan negara terdiri daripada mahasiswa Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Awang Muhammad

Oleh : Aimi Sani

Khairul Anuar bin Haji Ahmad yang menyertai Kategori Menghafaz 30 Juz Al-Qur'an dan mahasiswa Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Awangku Muhammad Amirul Aiman bin Pengiran Haji Marjuki yang telah bertanding dalam Kategori Membaca Ayat-ayat Suci Al-Qur'an pada 9 hingga 11 Januari yang lalu.

Para qari bertukar-tukar pendapat dengan Duta

Besar Republik Islam Iran di negara ini, Tuan Yang Terutama Mohammad Reza Havaseli Ashtiani mengenai dengan pengalaman mereka bertanding di Republik Islam Iran.

Turut hadir di Majlis Penghargaan tersebut ialah Pegawai Pengiring peserta qari, Awang Abdul Aziz bin Haji Shamsuddin dan Jurulatih dan Pembimbing, Awang Haji Tarmizi bin Haji Mahmood serta para pegawai-

pegawai dan kakitangan Kedutaan Besar Republik Islam Iran.

Peserta qari kemudiannya dihadiahkan senaskah Al-Qur'an yang disampaikan oleh TYT Mohammad Reza Havaseli Ashtiani sebagai tanda penghargaan kerana bertanding di negara itu.

Ini merupakan penyertaan negara kali pertama sebagai usaha ke arah memberikan pendedahan qari negara meningkatkan mutu bacaan dan hafalan mereka dalam pembacaan Al-Qur'an.



DUTA Besar Republik Islam Iran ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Mohammad Reza Havaseli Ashtiani semasa menyampaikan senaskah kitab suci Al-Qur'an sebagai penghargaan kepada Awang Muhammad Khairul Anuar bin Haji Ahmad, mahasiswa dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali. - Foto : Azmah Haji Ahad.

## 13 saudara baru pilih Islam sebagai pegangan hidup

**TEMBURONG**, Jumaat, 21 Januari. - Seramai 13 orang dari empat buah keluarga berbangsa Iban memilih Islam sebagai pegangan hidup baru mereka.

Majlis Lafaz Ikrar Pengislaman mereka diadakan di Kampung Sumbiling Lama, Daerah Temburong.

Hadir di majlis itu, Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Harun bin Haji Junid.

Juga hadir, Pemangku Pegawai Daerah Tembu-

Oleh : Hezlinawati Haji Abd. Karim

rong, Awang Haji Haris bin Haji Othman.

Majlis Pengislaman disempurnakan oleh para pegawai dari Pejabat Unit Dakwah, Daerah Temburong.

Ketika ditemu bual, Dayang Nurul Hidayah binti Abdullah Berauh yang sebelum ini dikenali sebagai Kartini anak Berauh menjelaskan, beliau memilih agama Islam sebagai anutannya yang baru setelah mendapat dorongan dari ramai

saudaranya yang sudah lama memeluk agama Islam.

"Saudara-saudara saya sudah banyak yang beragama Islam dan mereka juga memberikan dorongan kepada saya untuk menjadikan ajaran Islam sebagai pegangan hidup saya," ujarnya yang memeluk Islam bersama suaminya Sulaiman bin Ibrahim yang sebelum ini juga dikenali sebagai Sulaiman bin Ibrahim dan dua anak mereka.

Juga melafazkan ikrar Islam ialah Muhammad Izuddin bin Abdullah Tawan @ Likong anak Tawan berserta isteri dan tiga anak mereka.

Manakala Muhammad Irwan Shah bin Ibrahim @ Irwan bin Ibrahim, berusia 25 tahun juga melafazkan ikrar Islam di majlis itu berserta dua lagi adiknya serta seorang lagi saudara terdekat mereka.

Majlis juga diserikan dengan Dikir Marhaban yang diselenggarakan dengan menabur bunga rampai, didahului oleh Awang Haji Harun dan isteri.



TIMBALAN Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Harun bin Haji Junid semasa menaburkan bunga rampai kepada saudara-saudara baru yang diraikan di Majlis Lafaz Ikrar Pengislaman mereka yang diadakan di Kampung Sumbiling Lama, Daerah Temburong. - Foto : Nurhidayah Haji Kamis.

## Mahasiswa terbaik KUPU SB terima sijil penghargaan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 19 Januari. - Seramai 53 mahasiswa dari Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) menerima sijil penghargaan setelah terpilih menjadi Pelajar Terbaik dalam Peperiksaan Akhir Semester I yang mengikuti Program Ijazah Sarjana Perguruan Ugama, Diploma Tertinggi dan Diploma Perguruan Ugama dalam jurusan Fiqh, Syariah, Usuludin dan Penyeliaan yang berlangsung di Dewan Besar, KUPU SB, di sini.

Terdahulu sebelum itu, Ra'es KUPU SB, Dr. Hajah Masnon binti Haji Ibrahim dalam ucapannya selaku tetamu kehormat di Majlis Penghargaan Pelajar Terbaik Semester I, Sesi 2010/2011 menyatakan bahawa para mahasiswa haruslah menanamkan dalam sanubari dan mengantikan harapan tinggi untuk menjadi guru agama yang bukan sahaja berpendidikan tinggi, tetapi juga berkualiti tinggi.

"Kualiti yang baik dan tinggi itu tidak hanya dinilai dari segi lahiriah atau luaran sahaja tetapi



RA'ES Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Hajah Masnon binti Haji Ibrahim semasa hadir selaku tetamu kehormat di Majlis Penghargaan Pelajar Terbaik Semester I, Sesi 2010/1011 bagi mahasiswa KUPU SB, berlangsung di Dewan Besar, kolej tersebut. - Foto : Ihsan KUPU SB.

Oleh : Siti Nadiya Haji Rahime

yang lebih penting ialah nilai-nilai dalaman atau nuraninya seperti keikhlasan, kesabaran, ketabahan, kesungguhan dan disiplin kerohanian, semua ini akan memberi kesan keindahan kepada sahsiah dan jati diri seseorang itu," jelas Ra'es KUPU SB.

Beliau menyeru semua mahasiswa khususnya mereka yang akan menamatkan pengajian Ijazah Sarjana Muda pada tahun ini supaya terus bersung-

guh-sungguh mempamerkan prestasi yang sangat-sangat diharapkan bukan sahaja oleh kolej universiti bahkan juga negara pada amnya.

Di majlis ini, tetamu kehormat menyampaikan sijil-sijil penghargaan kepada pelajar-pelajar terbaik dalam semua peringkat program akademik.

Majlis ini diadakan untuk memberi penghargaan kepada usaha dan kejayaan mahasiswa berkenaan.

## PDB bertanggungjawab perkukuh undang-undang



PENGARAH Jabatan Siasatan Jenayah, Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis, Pengiran Haji Abd. Wahab bin Pengiran Haji Omar hadir selaku tetamu kehormat di Majlis Ceramah Agama, berlangsung di Dewan Serbaguna, Pusat Latihan Polis, Gadong.

Oleh : Bolhassan Haji Abu Bakar  
Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman



PENCERAMAH Undangan dari Pusat Da'wah Islamiah, Drs. Haji Mohd. Syahroni bin Haji Abd. Kahar semasa menyampaikan ceramah.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 19 Januari. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) genap usianya 90 tahun pada 1 Januari tahun ini, merupakan antara agensi kerajaan tertua yang bertanggungjawab untuk memperkukuhkan undang-undang yang telah sedia digubal bagi

tujuan keadilan dan kebaikan rakyat dan penduduk negara ini.

Pelbagai aktiviti telah dan akan diadakan bagi memeriahkan Sambutan Hari Polis Ke-90 yang telah disusun oleh PDB sepanjang tahun ini.

Sehubungan dengan

itu bersempena dengan sambutan tersebut, PDB hari ini mengadakan ceramah agama yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Pusat Latihan Polis, Gadong.

Hadir selaku tetamu kehormat di majlis itu ialah Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah, Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis, Pengiran Haji Abd. Wahab bin Pengiran Haji Omar.

Penceramah undangan dari Pusat Da'wah Islamiah, Drs. Haji Mohd. Syahroni bin Haji Abd. Kahar dalam ceramahnya antara lain telah menyentuh mengenai tugas dan tanggungjawab PDB yang diamankan dalam Islam.

Sepanjang penubuhannya, PDB telah banyak menempuh cabaran dan dugaan dalam memerangi pelbagai jenayah yang berlaku di negara ini.

**S**PN21 adalah singkatan nama bagi Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 yang telah diluluskan oleh Kementerian Pendidikan. Sistem ini membawa beberapa perubahan besar dalam pendidikan di negara ini.

**BILA IANYA DILAKSANAKAN?**

Secara berperingkat-peringkat :

- Peringkat peralihan (*interim/transition stage*) dilaksanakan pada tahun 2008 bagi pelajar Tahun 7 (kumpulan pelajar yang lulus PSR 2007).
- Di peringkat rendah akan dilaksanakan pada tahun 2009 iaitu bagi pelajar Tahun 1 dan Tahun 4.
- Pelaksanaan SPN21 akan berjalan sepenuhnya di peringkat rendah pada tahun 2011.
- Untuk memenuhi keperluan-keperluan dan cabaran-cabaran pembangunan sosial dan ekonomi abad ke-21.
- Untuk merealisasikan Visi dan Misi Kementerian Pendidikan.
- Untuk mengembangkan kemahiran-kemahiran abad ke-21.

**TUJUAN DAN MATLAMAT SPN21**

Adalah untuk :

- 1) Memenuhi keperluan-keperluan dan cabaran-cabaran perkembangan pembangunan ekonomi dan sosial abad ke-21.
- 2) Merealisasikan Visi dan Misi Kementerian Pendidikan.

**VISI**

*Pendidikan Yang Berkualiti Ke Arah Sebuah Negara Yang Maju, Aman dan Makmur.*

**MISI**

*Menyediakan Pendidikan Yang Menyeluruh Untuk Mencapai Potensi Yang Maksima Bagi Semua*

- 3) Menyediakan kemahiran-kemahiran abad ke-21.
- 4) Memenuhi tema-tema strategik seperti mana digariskan dalam Pelan Strategik Kementerian Pendidikan (2007-2011).
- 5) Untuk meningkatkan kadar jumlah penuntut di peringkat pendidikan tinggi dari kadar 14 peratus yang sedia ada masa kini ketahap 30 peratus dalam jangka waktu lima tahun mendatang ini.
- 6) Dapat mencapai matlamat untuk membolehkan sekurang-kurangnya 50 peratus jumlah penuntut lepasan sekolah menengah vokasional dapat meneruskan pelajaran di peringkat tertinggi.
- 7) Untuk terus berusaha ke arah meningkatkan lagi kualiti kehidupan di negara ini melalui penyediaan dan pembaharuan sistem pendidikan yang lebih berupaya dan berdaya saing untuk meningkatkan kecekapan rakyat dan penduduk Brunei.
- 8) Untuk mencapai Wawasan Brunei 2035.

Perubahan-perubahan dan pembaharuan-pembaharuan dan mengemaskini yang dibawa oleh SPN21 ini adalah sejajar dengan lapan strategi dan dasar hala tuju pendidikan di dalam Wawasan Brunei 2035.

Lapan strategi pendidikan yang hendak dicapai iaitu melabur dalam pendidikan awal kanak-kanak, menggunakan amalan terbaik antarabangsa dalam pengajaran dan pembelajaran; mengadakan pendidikan yang bertaraf tinggi di peringkat

# SPN21

## bawa perubahan besar pendidikan negara

Oleh : Dk. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor dengan kerjasama Kementerian Pendidikan

menengah dan pengajian tinggi termasuk sekolah vokasional yang menghasilkan pakar, ahli profesional dan juruteknik yang diperlukan dalam perniagaan dan industri; memperkukuhkan kompetensi dan teknologi info komunikasi; membentuk program yang menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat dan meningkatkan akses pendidikan tinggi; menggalakkan penyelidikan dan inovasi di institusi kerajaan dan institusi perkongsian sektor awam-swasta dan antarabangsa, menggunakan kaedah mengajar yang *cost effective* melalui penggunaan teknologi dan memperbaiki pengurusan semua institusi pendidikan.

**PERUBAHAN-PERUBAHAN**

Perubahan-Perubahan Yang Akan Dibawa oleh SPN21:

- I. Struktur Sistem Pendidikan
- Pelaksanaan SPN21 akan dijangka selesai pada tahun 2015. Bagi darjah dan menengah akan diubah menjadi Tahun seperti Tahun 1-6 menggantikan Darjah

1-6 dan Tahun 7-11 menggantikan Menengah 1-5. Perubahan ini selaras dengan dasar pemberian pendidikan sekurang-kurangnya 12 tahun.

II. Kurikulum sekolah dan penilaian.

Kurikulum sekolah dan penilaian akan dibina untuk mengoperasikan perkembangan utama dan reka bentuk strategi pendidikan yang berkualiti seperti yang digambarkan di dalam dokumen pendidikan melalui peruntukan yang seimbang, relevan serta kurikulum yang berbeza dan dinamik. Ini dapat dicapai melalui penyediaan kurikulum merangkumi lapan bidang pembelajaran utama (Bahasa, Matematik, Sains, Sains Sosial & Kemasyarakatan, Kesenian & Kebudayaan, Teknologi, Pendidikan Agama Islam dan Melayu Islam Beraja, Pendidikan Jasmani & Kesihatan).

III. Pendidikan Teknik.

Kementerian Pendidikan memainkan peranan penting dalam SPN21 dengan merancang dan seterusnya melaksanakan kursus-kursus/

program-program teknik dan vokasional mulai bulan Januari 2012.

**DIANTARA FAEDAH-FAEDAH SPN21**

- Tiada penahanan dari Tahun 1 hingga Tahun 11 kecuali dalam kes pelajar yang mempunyai kedatangan kurang dari 85 peratus.
  - Pelbagai saluran pendidikan disediakan hingga ke peringkat pengajian tinggi.
  - Pelbagai pilihan program pendidikan mengikut kecenderungan, keperluan dan kebolehan pelajar.
  - Meningkatkan tahap keberkesanan pengajaran dan pembelajaran.
  - Meningkatkan pencapaian pelajar.
- Secara umumnya faedah SPN21 dengan penekanan terhadap pembangunan sahsiah, tiada terdapat penahanan dari Tahun 1 hingga Tahun 10/11 (kecuali dalam kes pelajar yang mempunyai rekod kedatangan kurang dari 85 peratus), pelbagai pilihan program pendidikan

mengikut kecenderungan, keperluan dan kebolehan pelajar dan peluang untuk memperolehi kemahiran asas teknikal dan vokasional dan perdagangan yang berguna dalam pelbagai kerjaya mahupun perusahaan sendiri.

**CABARAN**


SPN21 adalah memenuhi keperluan-keperluan dan cabaran-cabaran perkembangan pembangunan ekonomi dan sosial abad ke-21, merealisasikan Visi dan Misi Kementerian Pendidikan dan menyediakan kemahiran-kemahiran abad ke-21 serta memenuhi tema-tema strategik seperti mana digariskan dalam Pelan Strategik Kementerian Pendidikan (2007-2011).

Manakala rasional perubahan adalah berasaskan kepada Wawasan Brunei 2035 dengan hasrat menjadikan Negara Brunei Darussalam dikenali di seluruh dunia dengan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya, kehidupan rakyat yang berkualiti tinggi dan ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan

SPN21 dilaksanakan secara berperingkat-peringkat di mana peringkat peralihan telah dilaksanakan pada tahun 2008 bagi pelajar Tahun 7 (kumpulan pelajar yang lulus PSR 2007).

Alhamdulillah pada 5 Januari 2009 SPN21 telah dilancarkan bagi pelajar Tahun 1 dan 4. Keseluruhan sistem berkenaan terlaksana sepenuhnya di setiap peringkat sekolah rendah dan menengah pada tahun 2011.

Pelaksanaan Sistem Pendidikan Negara itu adalah dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 15 Julai 2008, menekankan bahawa pelaksanaan SPN21 sebagai langkah menyahut cabaran-cabaran pembangunan insan dan ekonomi serta juga mendukung aspirasi Wawasan Negara 2035. Negara Brunei Darussalam terus mengguna pakai SPN21, suatu impian yang selama ini kita gembeng dan menjandi realiti pada tahun ini.



**Berasaskan kepada:**

**Wawasan Brunei 2035**

- Rakyat yang berpendidikan tinggi, kemahiran tinggi dan berjaya
- Kehidupan rakyat yang berkualiti tinggi
- Ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan



# HUBUNGAN DUA HALA

## BRUNEI -KUWAIT SEMAKIN KUKUH



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan berangkat mengadap ke hadapan majlis Duli Yang Maha Mulia Sheikh Sabah Al-Ahmad Al-Jaber Al-Sabah, Emir Kuwait diti Istana Seif Al-Aamir.

Laporan : Haji Ahat Haji Ismail  
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali  
dari Bandaraya Kuwait

**BANDARAYA KUWAIT**, Isnin, 24 Januari. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan berangkat mengadap ke hadapan majlis Duli Yang Maha Mulia Sheikh Sabah Al-Ahmad Al-Jaber Al-Sabah Emir Kuwait, di Istana Seif Al-Aamir.

Majlis Mengadap tersebut adalah sempena dengan lawatan tiga hari, Duli Yang Teramat Mulia ke Kuwait di mana dengan keberangkatan tersebut mengukuhkan lagi hubungan persahabatan dan kerjasama kedua-dua buah negara.

Selepas itu, DYTm juga berangkat mengadakan perjumpaan dengan Perdana Menteri Kuwait, Duli Yang Teramat Mulia Sheikh Nasser Mohammed Al-Ahmad Al-Sabah.

Semasa perjumpaan itu, DYTm bersama Duli Yang Teramat Mulia membincangkan cara-cara untuk mengukuhkan hubungan dua hala antara Negara Brunei Darussalam (NBD)

dengan Kuwait.

NBD dan Kuwait telah menjalin hubungan diplomatik sejak 1 Mei 1990 dan semasa keberangkatan lawatan negara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Kuwait pada bulan April 2009, kedua buah negara telah menandatangani dua perjanjian dan menandatangani satu memorandum persefahaman (MOU).

Penandatanganan perjanjian tersebut ialah Perjanjian Penggalakan dan Perlindungan Timbal Balik Pelaburan (BIT) serta Perjanjian Pengelakan Cukai Berganda dan Pencegahan Pelarian Fiskal berkenaan dengan cukai-cukai ke atas pendapatan (DTA).

Penandatanganan MOU pula adalah berhubung dengan kerjasama di bidang minyak dan gas.



DULI Yang Teramat Mulia ketika mengadakan perjumpaan bersama Perdana Menteri Kuwait, Duli Yang Teramat Mulia Sheikh Nasser Mohammed Al-Ahmad Al-Sabah.



### Berangkat menghadiri Santap Tengah Hari dan Santap Malam

**BANDARAYA KUWAIT**, Isnin, 24 Januari. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat menghadiri Santap Tengah Hari dan Santap Malam sempena dengan lawatan ke Kuwait.

Majlis Santap Tengah Hari di Istana Al Shuwaikh Al-Aamir diberikan oleh Perdana Menteri Kuwait, Duli Yang Teramat Mulia Sheikh Nasser Mohammed Al-Ahmad Al-Sabah.

Di sebelah malam pula, Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia berangkat menghadiri Santap Malam yang diberikan oleh Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Kuwait, Tuan Yang Terutama Sheikh Dr. Mohammad Sabah Al-Salem Al-Sabah, bertempat di Pusat Saintifik Kuwait (Aquarium).

DULI Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam ketika berkenan berangkat menghadiri Santap Malam yang diberikan oleh Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Kuwait, Tuan Yang Terutama Sheikh Dr. Mohammad Sabah Al-Salem Al-Sabah, bertempat di Pusat Saintifik Kuwait (Aquarium) (kiri).



DYTM berangkat tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuwait dengan dialu-alukan oleh Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Tuan Yang Terutama Sheikh Dr. Mohammad Sabah Al-Salem Al-Sabah.

### DYTM dan YTM berangkat tiba bagi lawatan ke Bandaraya Kuwait

**BANDARAYA KUWAIT**, Ahad, 23 Januari. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah berangkat tiba di sini bagi lawatan selama tiga hari.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia di Lapangan Terbang

Antarabangsa Kuwait dialu-alukan oleh Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Bandaraya Kuwait, Tuan Yang Terutama Sheikh Dr. Mohammad Sabah Al-Salem Al-Sabah dan Puan Yang Terutama Sheikha Feryal Duaj Al-Salman Al-Sabah dan Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Kuwait, Tuan Yang Terutama Pengiran Haji Mustafa bin Pengiran Haji Aliuddin serta para pegawai Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan

Perdagangan Negara Brunei Darussalam.

Lawatan ke Bandaraya Kuwait adalah atas jemputan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Kuwait, TYT Sheikh Dr. Mohammad Sabah Al-Salem Al-Sabah, dilihat mengeratkan lagi

hubungan kedua-dua buah negara yang sudah menjalin hubungan diplomatik pada 1 Mei 1990, sementara, Kuwait telah menubuhkan pejabat kedutaannya di Bandar Seri Begawan (BSB) pada bulan September 2008.

Sejak terjalannya hubungan diplomatik, kedua buah negara merancang pelbagai kerjasama ke arah mengeratkan hubungan termasuk mengadakan pertukaran lawatan antara pemimpin, pembesar serta mesyuarat dua hala di antara Negara Brunei Darussalam dengan Kuwait.

Hubungan kedua buah negara semakin akrab apabila Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan berangkat mengadakan lawatan sebanyak dua kali iaitu pada bulan Februari 1994 dan bulan April 2009 manakala Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah pula berangkat mengadakan lawatan

pada bulan Ogos 2010.

Sementara itu, Duli Yang Teramat Mulia Syeikh Nasser Al-Mohammad Al-Ahmad Al-Jaber Al-Sabah, bekas Perdana Menteri juga telah mengadakan lawatan ke Negara Brunei Darussalam pada bulan Julai 2008 dan



DYTM dan YTM berserta anakanda-anakanda ketika membuat Lawatan ke Bandaraya Kuwait atas jemputan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Kuwait, TYT Sheikh Dr. Mohammad Sabah Al-Salem Al-Sabah.

November 1990.

Selain itu, BSB dan Kuwait juga telah mencapai hubungan cemerlang terutama dalam rangka kerja Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu (PBB) Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM).

Kuwait, negara yang terletak di persisiran Teluk Parsi serta berjiran dengan Iraq dan Arab Saudi mempunyai keramaian penduduk berjumlah 3, 520,000 orang.

Minyak dan gas yang menjadi hasil utamanya dan telah menjadikan negara teluk itu sebagai negara kelima terbesar mempunyai simpanan minyak di dunia.



DYTM dan YTM bersama anakanda-anakanda ketika berkenan berangkat menghadiri Majlis Santap Tengah Hari di Istana Al Shuwaikh Al-Aamir yang diberikan oleh Perdana Menteri Kuwait, Duli Yang Teramat Mulia Sheikh Nasser Mohammed Al-Ahmad Al-Sabah dan Majlis Santap Malam yang diadakan Pusat Saintifik Kuwait (Aquarium) sempena lawatan baginda ke Kuwait.





IKLAN JAWATAN - JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

PENGIKLANAN JAWATAN MENURUT PERATURAN 7 (A)  
DARIPADA PERATURAN - PERATURAN PEGAWAI - PEGAWAI KERAJAAN (LANTIKAN - LANTIKAN DAN KENAIKAN PANGKAT)  
AKTA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM.

IKLAN ADALAH DIBUKAKAN KEPADA ORANG RAMAI DAN PEGAWAI - PEGAWAI KAKITANGAN YANG SEDANG BERKHIDMAT  
DALAM PERKHIDMATAN AWAM.

TARIKH IKLAN: 26 JANUARI 2011. TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 09 FEBRUARI 2011. BILANGAN IKLAN: 04/01/11 (SPA/BMI)

**PERATURAN 7(a)**

**Syarat-Syarat Am:**

- PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- Cara permohonan - Rujuk di ruang **PEMBERITAHUAN**.

**1. PEGAWAI PERTANIAN  
JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN  
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN  
SUMBER-SUMBER UTAMA  
B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 SEBULAN)  
KEKOSONGAN=2**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

- i) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Pertanian / Perdagangan / Agribisnes / Agribisnes Pemasaran / Tanah dan Sains Sumber Daya Air (*Land and Water Resource Science*) / Hortikultura atau bidang bersesuaian.

**ATAU**

ii) BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang Pertanian / Perdagangan / Tanaman Industri dan Pengurusan / Mikrobiologi / Teknologi Maklumat / Sains Makanan / Teknologi Makanan / Teknologi Lepas Tuai atau bidang bersesuaian serta sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.3 tidak kurang dari 5 tahun.

**ATAU**

iii) Sedang berkhidmat di Jabatan Pertanian sebagai Penolong Pegawai Pertanian atau jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.3 tidak kurang dari 7 tahun.

**ATAU**

- iv) Sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.3 tidak kurang dari 9 tahun.
- Berkebolehan membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik.
- Mempunyai kemahiran dan pengetahuan dalam penggunaan komputer adalah kelebihan.

**2. KETUA PENTERJEMAH  
JABATAN-JABATAN KERAJAAN  
C.3-4 EB.5 (\$1,990 - \$2,970 SEBULAN)  
KEKOSONGAN=1**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

- i) BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang Ilmu Bahasa / Penterjemahan atau bidang bersesuaian.

**ATAU**

- ii) Sedang berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Penterjemah Kanan atau jawatan berkaitan dengan Ilmu Bahasa dan/atau Penterjemahan dalam tanggagaji C.2 tidak kurang dari 3 tahun.
- Berkebolehan bertutur, membaca dan menulis serta menterjemah dari Bahasa Melayu ke Bahasa Inggeris atau Bahasa Inggeris ke Bahasa Melayu dengan baik.

**3. KETUA PEMBANTU TEKNIK  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA  
& SUKAN  
C.3-4 EB.5 (\$1,990 - \$2,970 SEBULAN)  
KEKOSONGAN=1**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

- i) BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang Kejuruteraan Pertanian dan Pengawasan Mekanik atau bidang bersesuaian.

**ATAU**

ii) Sedang berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Pembantu Teknik Kanan atau jawatan sebanding dalam tanggagaji C.2 / C.1 tidak kurang dari 3 tahun.

**4. PENOLONG PEGAWAI PENYELIDIK  
KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI  
DAN PERDAGANGAN  
C.3-4 EB.5 (\$1,990 - \$2,970 SEBULAN)  
ATAU  
C.2-3 EB.4-5 (\$1,450 - \$2,970 SEBULAN)  
KEKOSONGAN=2**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

- a) **TANGGAGAJI C.3-4 EB.5:**  
i) BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang Penyelidikan atau bidang bersesuaian.

**ATAU**

ii) Sedang berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Penolong Pegawai Penyelidik atau jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.2 tidak kurang dari 3 tahun.

- b) **TANGGAGAJI C.2-3 EB.4-5:**

i) BDTVEC/BTEC Sijil Tertinggi Kebangsaan (HNC) atau sebanding dalam bidang Penyelidikan atau bidang bersesuaian.

**ATAU**

- ii) Sedang berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Pembantu Penyelidik Kanan atau jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.1 tidak kurang dari 3 tahun atau sebagai Pembantu Penyelidik atau jawatan bersesuaian dalam tanggagaji D.4 / D.3 tidak kurang dari 5 tahun atau dalam tanggagaji D.1 tidak kurang dari 7 tahun.

2. Boleh membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik.

**5. PEMBANTU PENGELOLA ZAKAT DAN FITRAH  
JABATAN MAJLIS UGAMA ISLAM BRUNEI  
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA  
D.3 EB.4-5 (\$900 - \$1,625 SEBULAN)  
KEKOSONGAN=1**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

- i) BDTVEC/BTEC Sijil Kebangsaan Peringkat Biasa (NC) atau sebanding dalam bidang Pengajian Islam atau bidang bersesuaian.

**ATAU**

ii) Sedang berkhidmat di Jabatan Majlis Ugama Islam Brunei dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji D1 tidak kurang dari 3 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

**ATAU**

iii) Sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji D1 tidak kurang dari 4 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

**TEMPAT MENGHANTAR BORANG PERMOHONAN  
BAGI BILANGAN 1 HINGGA 5:**

**PENYAMBUT TETAMU TINGKAT 2  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
BANGUNAN SPA, LAPANGAN TERBANG LAMA  
BERAKAS BB3510  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
TEL NO: 2381961/2383455 (BHG. IKLAN)**

**PEMBERITAHUAN:**

- Semua permohonan adalah melalui pengisian borang SPA1 atau SPA2 kecuali dimaklumkan sebaliknya.
- Bagi iklan jawatan bilangan 1 hingga 5 isikan satu (1) salinan sahaja borang SPA1 atau SPA2.
- Borang SPA1 dan SPA2 boleh didapati di Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan dikembalikan ke tempat penghantaran borang permohonan yang disebutkan bersama-sama dengan salinan sijil-sijil, surat-surat akuan yang lengkap dan diakui sah.
- Semua kelulusan, sijil-sijil kecekapan, peperiksaan yang dikendalikan oleh badan-badan profesional yang dihadapkan bersama borang permohonan hendaklah diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. (selepas ini dipanggil Kerajaan).
- Pegawai-Pegawai Kerajaan dan termasuk pemohon dalam perkhidmatan bergaji hari hendaklah menghadapkan permohonan tersebut melalui Ketua Jabatan. Ketua Jabatan dikehendaki menyertakan:-  
a. Laporan Sulit mengenai peribadi dan mutu kerja pemohon;  
b. Rekod Perkhidmatan yang lengkap.
- Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya SANGAT BAIK bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.  
Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan yang belum mencapai tempoh perkhidmatan selama 3 tahun, hendaklah

mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya SANGAT BAIK selama tempoh perkhidmatannya.

4. Kepujian (kredit) mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge Peringkat Biasa hendaklah diperolehi dalam tempoh dua (2) tahun berturut-turut.
- Permohonan yang diterima lewat daripada 09 FEBRUARI 2011 tidak dilayan.
- Bilangan kekosongan jawatan adalah betul semasa dicetak. Walau bagaimanapun, pemohon-pemohon boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai sebarang perubahan bilangan kekosongan dalam tempoh iklan dibukakan melalui cara berikut:  
• Menelefon 2381961 Sambungan 530/537 atau 2383455 (Bahagian Iklan);  
• Melihat Papan kenyataan Tingkat I, Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam;  
• Melayari laman web rasmi Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (Iklan Jawatan Kosong) iaitu <http://www.spa.gov.bn/>
- Maklumat mengenai iklan-iklan jawatan kosong serta borang-borang permohonan juga boleh diperolehi di Pejabat-Pejabat Kerajaan dan pusat awam seperti berikut:-  
• Pejabat Daerah Belait;  
• Pejabat Daerah Temburong;  
• Pejabat Daerah Tutong;  
• Jabatan Buruh, Bhg. Perkhidmatan Pekerjaan Tempatan, Tingkat 4, Jalan Menteri Besar.



**KEMENTERIAN KESIHATAN**

- DOKUMEN-DOKUMEN tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperolehi daripada Bahagian Pembelian dan Perbekalan, Tingkat Bawah Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, semasa waktu-waktu bekerja, mulai hari **Rabu, 12 Januari 2011**. Sila layari website Kementerian Kesihatan [www.moh.gov.bn](http://www.moh.gov.bn)
- Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dengan menyatakan bilangan dan tajuk tawaran serta tarikh tutup tanpa menunjukkan identiti pemohon dan dialamatkan kepada :-

**Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,  
Peti Tawaran, Tingkat Bawah,  
Kementerian Kesihatan,  
Commonwealth Drive,  
Bandar Seri Begawan, BB3910,  
Negara Brunei Darussalam.**

- Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan dan hendaklah dihantar tidak lewat dari jam **2.00 petang, hari Selasa, 8 Februari 2011**. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
- Yuran Tawaran (*Tender Fee*) bagi tiap-tiap tawaran adalah seperti dinyatakan dan dikehendaki pembayaran dengan **WANG TUNAI** sahaja (**dan yuran tawaran tidak akan dikembalikan**). Pembayaran hendaklah dibuat di Bahagian Akaun, Tingkat Bawah Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan semasa waktu-waktu bekerja.  
**Waktu Menerima Bayaran  
ISNIN - KHAMIS :  
8.00 PAGI - 11.00 PAGI  
2.00 PETANG - 3.00 PETANG  
SABTU : 8.00 PAGI - 10.00 PAGI**
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.
- Tawaran adalah dibukakan kepada semua pemohon-pemohon dan hendaklah mempunyai kelayakan seperti berikut :-  
- Sijil Pendaftaran Perniagaan Yang Masih Sahlaku dan Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan, atau Kementerian Pembangunan.  
- Manakala bagi Pemohon / Pembekal yang menyertai tawaran ubat-ubatan (Drug and Medicine) mestilah mempunyai Lesen Racun yang sah 'Poison Act' (Cap. 114).
- Penender yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis panduan yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

a) **BIL TAWARAN : KK/03/2011(ESTET)**

**KETERANGAN :** Repair Works to Block H1, H2 and H3 Flat Kampung Kiulap.

**Kelayakan Pemohon/Pembekal :** Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Kementerian Perhubungan dan Jabatan Perkhidmatan Elektrik.

Kelas : Kelas II dan Ke Atas, Kategori : 1, 2, 7a, 7b & 7c.  
YURAN TAWARAN : \$50.00.

b) **BIL TAWARAN : KK/04/2011(ESTET)**

**KETERANGAN :** Supply, Delivery, Installation and Commissioning of Medical Vacuum Pump and Associated Accessories at RIPAS Hospital.

**Kelayakan Pemohon/Pembekal :** Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan Jabatan Perkhidmatan Darat, Kementerian Perhubungan  
Kelas : Kelas I, II dan III, Kategori : 5n, 6f, 6g, 7a & 7c.

**TARIKH TUTUP : 8 Februari 2011, tidak lewat jam 2.00 petang.**



**JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA  
KEMENTERIAN KEWANGAN**

**TAWARAN BAGI  
BILANGAN TAWARAN :**

TAWARAN KASTAM 58 / 2010 SUPPLY, DELIVERY, TESTING, COMMISSIONING AND TRAINING OF TWO (2) UNITS OF MOBILE SCANNING AND IMAGING SYSTEM FOR THE ROYAL CUSTOMS AND EXCISE DEPARTMENT, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

**Keterangan  
BIL TERMS AND CONDITION**

1. Tender forms and full details of the TENDER can be obtained from :-

**UNIT BELANJAWAN,  
TINGKAT 2, JABATAN KASTAM DAN  
EKSAIS DIRAJA,  
JALAN MENTERI BESAR,  
BANDAR SERI BEGAWAN,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

2. All tenders shall be submitted in a form that satisfies the following requirements :

i. The Tender should be written in English.  
ii. Each page shall be numbered consecutively.

iii. Whenever possible the Tender submitted should not exceed A4 paper sizes.

iv. The Tender shall be bound in a form that does not facilitate replacement of pages (i.e. loose leaf binding is not acceptable.)

v. The Tender must include an address where, in the event that any notice request, waiver, consent or approval required to be sent can be directed.

vi. The tenderer (s) are required to pay a fee of BND\$1,000.00 for participating in the tender and addition BND\$5.00 for the e-documents.

vii. The Tender, including the Tender Form, the Price Schedule of the Tender and all other accompanying documents such as systems write up, operating manuals, technical specifications, background information about the Tender etc. are to be put in an envelope, sealed and must be submitted in (7) seven sets made up of one (1) original and six (6) duplicates. All sets shall be bound and clearly labelled as ORIGINAL DUPLICATE ONE and DULICATE TWO etc. Respectively. All Tenders must be addressed to :

**The State Tender Board  
Ministry of Finance  
Commonwealth Drive  
Bandar Seri Begawan,  
Negara Brunei Darussalam.**

\* The envelop containing the Tender :-  
Shall not bear the name or address of the Tender  
Shall have on its top left-hand :-  
**The Tender Number and the words**

**DO NOT OPEN BEFORE 2.00 PM, on  
MONDAY ; and  
AND THE CLOSING DATE OF The  
Tender will be on the 21 February 2011.**

Shall bear the following description of the project, namely : **"THE SUPPLY, DELIVERY, TESTING, COMMISSIONING AND TRAINING OF TWO (2) UNITS OF MOBILE SCANNING AND IMAGING SYSTEM TO ROYAL CUSTOMS AND EXCISE DEPARTMENTS NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**



**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

TAWARAN :  
**MINDEF/DEA/2011/TA/3001**  
PENYEWAAN KENDERAAN UNTUK  
BRIDEX 2011  
Yuran Tawaran : **BND\$50.00**  
**(tidak dikembalikan)**

**Syarat-Syarat Tawaran :**

a)TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pertahanan, Blok C, Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Bolkih Garrison BB3510, Negara Brunei Darussalam, **tidak lewat jam 2.00 petang, hari Selasa, 22 Februari 2011.** Dokumen-dokumen tawaran boleh diperolehi dari Unit Tawaran, Jabatanarah Kewangan dan Perolehan Kementerian Pertahanan semasa hari-hari bekerja (Isnin hingga Jumaat).

b)Bayaran yuran tawaran *Tender Fee* hendaklah dibayar di Unit Kaunter Perkhidmatan Pelanggan, Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Blok D, Kementerian Pertahanan, Bolkih Garrison.

**Waktu bagi menerima bayaran  
Isnin - Khamis : 8.00 pagi - 3.00 petang  
Jumaat : 8.00 pagi - 10.30 pagi  
2.00 petang - 3.00 petang**

c)Pembekal adalah dikehendaki membayar semua Yuran Dokumen dan Bayaran Tawaran seperti yang diiklankan. Yuran Tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong

sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (*bona-fide-tender*). Kadar Yuran Tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.

d)Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah.

e)Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan akan dikira sebagai tawaran tidak jujur (*non-bona-fide-tender*) dan tidak akan dilayan.

f)Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama dengan menyenaraikan butir-butir syarikat berkenaan seperti nama, nombor kad pengenalan atau nombor pasport pemilik.

g)Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

h)Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat, hendaklah dinyatakan rujukan dan tajuk tawaran dan catatan tarikh tutup tawaran itu.

i)Iklan-iklan tawaran bolehlah dilihat melalui laman Web : <http://www.mindef.gov.bn>



**JABATAN IMIGRESEN DAN PENDAFTARAN KEBANGSAAN  
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**JUALAN LELONG SECARA SEBUT HARGA BAGI HARTA BENDA KERAJAAN**

ADALAH dengan ini diberikan notis iaitu bahawa Jualan Lelong secara sebut harga bagi perabot pejabat kepunyaan Pejabat Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Jalan Menteri Besar dan orang ramai yang berminat untuk membeli bolehlah mendapat borang Jualan Lelong secara sebut harga di alamat :-

Jualan Lelong peralatan perkakas pejabat secara sebut harga diadakan pada **26 Januari 2011** hingga **8 Februari 2011.**

**Waktu bagi melihat barang lelong:**  
Pagi : 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari.  
(pada hari-hari bekerja)

1. Tawaran adalah dipelawa kepada pemborong firma swasta dan orang ramai.
2. Borang tawaran, syarat-syarat dan keterangan lanjut mengenai boleh diperolehi dengan menghubungi di Talian 2383106 sambungan 138, semasa waktu Pejabat Tingkat III Bahagian Stor, Ibu Pejabat Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Jalan Menteri Besar.
3. Hanya pembeli yang berjaya dalam tawaran sebut harga akan dihubungi untuk tindakan selanjutnya.
4. Lelongan sebut harga yang berjaya ini adalah dinilai berdasarkan harga tawaran yang tertinggi.
5. ke semua tawaran sebut harga lelong hendaklah diisi menggunakan borang yang diberikan secara lengkap dan hendaklah dimasukkan ke Peti Sebut Harga di Tingkat 3, Bahagian Stor, Ibu Pejabat Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Jalan Menteri Besar, tidak lewat pada hari Selasa, 8 Februari 2011, Jam 9.00 pagi dengan menggunakan sampul surat tertutup rapat (*sealed*) dan tertulis dengan terang "MELELONG PERALATAN / PERKAKAS PEJABAT".
6. Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar secara wang tunai dan memindahkan barang yang dibeli tidak lewat 7 hari dari tarikh perolehan.
7. Barang yang dibeli, tetapi tidak dipindahkan dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh perolehan ini akan dirampas dan dilelong semula.

BAHAGIAN STOR  
TINGKAT III  
IBU PEJABAT IMIGRESEN DAN PENDAFTARAN KEBANGSAAN,  
JALAN MENTERI BESAR,  
TARIKH TUTUP TAWARAN : **8 Februari 2011, Jam 9.00 Pagi**

BIL	BUTIR KETERANGAN BARANG	JUMLAH	Tempat Melihat
1	Peralatan Komputer	5 Unit	Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan
2	Peralatan Komputer	8 Unit	Jalan Menteri Besar
3	Peralatan Komputer	18 Unit	

BIL	BUTIR KETERANGAN BARANG	JUMLAH	Tempat Melihat
1	Peralatan Komputer	31 Unit	Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan Kuala Belait



**JABATAN BANDARAN, BANDAR SERI BEGAWAN  
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**KENYATAAN TAWARAN**

BILANGAN TAWARAN :  
**BBSB/LTK/25/2010**

TAJUK : **PROPOSED CONSTRUCT  
NEW GAZEBO AT TAMAN JUBLI  
PERAK JALAN KUMBANG PASANG  
BANDAR SERI BEGAWAN**  
TARIKH AKHIR : **29 JANUARI 2011**  
PENGAMBILAN DOKUMEN  
TAWARAN  
TARIKH TUTUP TAWARAN : **SELASA,  
1 FEBRUARI 2011**  
**(SEBELUM JAM 2.00 PETANG)**

**Syarat-Syarat Tawaran :**

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa kepada Syarikat-syarikat yang mempunyai Sijil Kelas II atau III sahaja yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan.
2. Bayaran BND\$30.00 (Tiga Puluh Ringgit Sahaja) secara tunai bagi setiap satu Dokumen Tawaran dan Pentadbiran (tidak dikembalikan).
3. Bayaran Dokumen tawaran hendaklah di bayar di Bahagian Kewangan Jabatan Bandaran, Bandar Seri Begawan, Tingkat 3, Bangunan Jabatan Bandaran, Jalan Kumbang Pasang.
4. Dokumen Tawaran dan maklumat lanjut bolehlah diperolehi di Bahagian Projek, Tingkat 5 Bangunan Pusat Komersial dan Perdagangan Bumi Putera, Jalan Cator.

5. Tawaran hendaklah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup (*sealed*) tanpa sebarang tanda pengenalan pengirim diluar sampul surat itu kecuali ditulis dengan :  
TAJUK : **PROPOSED CONSTRUCT  
NEW GAZEBO AT TAMAN JUBLI  
PERAK JALAN KUMBANG PASANG  
BANDAR SERI BEGAWAN**  
BILANGAN TAWARAN :  
**BBSB/LTK/25/2010**  
TARIKH TUTUP TAWARAN : **SELASA,  
1 FEBRUARI 2011**  
**(SEBELUM JAM 2.00 PETANG)**
6. Tawaran tersebut hendaklah dimasukkan kedalam peti tawaran dan dialamatkan seperti di bawah :  
**Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil  
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri,  
Tingkat 1, Bangunan Kementerian Hal  
Ehwal Dalam Negeri  
Jalan James Pearce  
Bandar Seri Begawan BS8610  
Negara Brunei Darussalam**  
Tidak lewat **hari Selasa, 1 Februari 2011**  
**(sebelum Jam 2.00 Petang)**
7. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran sama ada yang paling rendah atau lain-lain tawaran.



**JABATAN  
PERKHIDMATAN AWAM  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**NOTIS JUALAN LELONG  
BILANGAN : JPA/1.4/1858/88  
TARIKH TUTUP:**

**HARI SABTU, 12 FEBRUARI 2011**

- DIMAKLUMKAN bahawa Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri akan mengadakan satu jualan lelong bagi harta benda kerajaan iaitu peralatan perabot pejabat seperti shredder, kerusi dan meja.
- Jualan lelong ini adalah terbuka kepada orang ramai sama ada persendirian atau syarikat.
- Pelelongan ini adalah secara keseluruhan (*lump sum*) dimana orang ramai atau syarikat yang berminat hendaklah membuat satu tawaran harga bagi kesemua barang-barang yang dilelong.
- Dengan itu, orang ramai atau syarikat-syarikat yang berminat untuk menyertai pelelongan ini bolehlah memeriksa peralatan dan perabot pejabat berkenaan pada waktu dan tempat yang ditetapkan seperti berikut:

**Tarikh : 7, 8, 9 dan 10 Februari 2011  
Waktu : 9.00 - 11.00 pagi dan  
2.00 - 3.00 petang**

**Tempat : Unit Pentadbiran dan  
Kewangan, Bahagian Pembangunan dan  
Pengurusan, Jabatan Perkhidmatan  
Awam, Jabatan Perdana Menteri  
Tingkat IV, Bangunan Suruhanjaya  
Perkhidmatan Awam,  
Lapangan Terbang Lama, Berakas,  
Bandar Seri Begawan, BB3510,  
Negara Brunei Darussalam.**

- Setiap tawaran hendaklah menggunakan **Borang Tawaran** yang disediakan yang mana boleh diperolehi di alamat di atas.
- Tawaran hendaklah dihantar di dalam sampul surat tertutup rapi yang bertulis tajuk tawaran : "JUALAN LELONG", Bilangan Tawaran dan Tarikh Tutup tawaran tanpa menunjukkan identiti pembekal / syarikat dan dimasukkan ke dalam peti tawaran **tidak lewat pada hari Sabtu, 12 Februari 2011, jam 2.00 petang** dan alamat kepada:

**Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,  
Jabatan Perkhidmatan Awam,  
Jabatan Perdana Menteri,  
Tingkat IV, Bangunan Suruhanjaya  
Perkhidmatan Awam,  
Lapangan Terbang Lama,  
Berakas, BSB, BB3510,  
Negara Brunei Darussalam.**

- Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan waktu ditetapkan tidak akan dilayan.
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang rendah atau tawaran yang tidak munasabah.
- Mereka yang berjaya hendaklah membuat pembayaran secara tunai dan dikehendaki memindahkan kesemua barang-barang yang telah dibeli dari tapak jualan lelong tersebut dalam tempoh lima (5) hari dari tarikh pemberitahuan.
- Untuk keterangan lanjut sila hubungi pegawai bertugas seperti di alamat di atas.



**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

**No. Tawaran : JPPK/LTN/06/2011  
Tajuk Tawaran : PROPOSED  
RE-ROOFING TO EXISTING  
ROYAL BRUNEI LAND FORCE HQ  
BERAKAS GARISON  
Bayaran Tawaran : B\$ 10.00  
(Tidak dikembalikan)  
Kelas : II DAN KE ATAS  
Kategori : KA01 DAN B01  
Tempoh Penyiapan : 8 MINGGU**

a)TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Bangunan Kementerian Pertahanan, Blok C, Tingkat Bawah, Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Bolkia Garison, BB 3510, Negara Brunei Darussalam, **tidak lewat jam 2.00 petang hari Selasa, 8 Februari 2011.**

Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Jabatanarah Pembangunan dan Perkhidmatan Kerja, di Tingkat 1, Blok D, Bangunan Kementerian Pertahanan, Bolkia Garison BB 3510, Negara Brunei Darussalam semasa hari-hari bekerja (**Isnin-Jumaat**). **Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran pada 4 Februari 2011, hari Jumaat, jam 3.00 petang.**

b)Bayaran Tawaran hendaklah dibayar di Bahagian Kewangan, Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Blok D, Pintu Masuk 5, Tingkat Bawah, Bangunan Kementerian Pertahanan, Bolkia Garison BB 3510, Negara Brunei Darussalam.

**Waktu bagi menerima bayaran :  
Isnin-Khamis : 8.00 pagi - 3.00 petang**

**Jumaat : 8.00 pagi - 10.30 pagi  
2.00 petang - 3.00 petang**

- Pembekal adalah dikehendaki membayar Yuran Tawaran bagi semua tawaran seperti yang diiklankan. Yuran Tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (*bona-fide-tender*). Kadar Yuran Tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.
- Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah.
- Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan akan dikira tawaran tidak jujur (*non-bona-fide-tender*) dan tidak akan dilayan.
- Salinan sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama yang menyenaraikan butir-butir syarikat berkenaan seperti nama, nombor kad pengenalan atau nombor pasport pemilik.
- Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis panduan yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.
- Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah dinyatakan rujukan dan tajuk tawaran dan tarikh tutup tawaran ini seperti mana yang diiklankan.



**JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN  
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA**

- TAWARAN-TAWARAN hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil dan dimasukkan ke dalam Peti Lembaga Tawaran Kecil Kementerian Perindustrian Sumber-Sumber Utama, Tingkat Bawah, Bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jalan Menteri Besar BB3910, Negara Brunei Darussalam.

1.1 Tidak lewat dari jam 2.00 petang pada hari Selasa, 8 Februari 2011.  
i. JPt/TAW/28(A)/2010-2011 :

**SUPPLY, DELIVERY AND INSTALLATION, TESTING AND COMMISSIONING  
OF 3-DECK ELECTRICAL BAKING OVEN AND ACCESSORIES.  
(Yuran Tawaran \$10.00)**

1.3 Tidak lewat dari jam 2.00 petang, pada hari Selasa 22 Februari 2011  
ii. JPt/TAW/48/2010-2011 :

**PREPARATION OF A COMPLETE LEGAL DOCUMENTS  
"PLANTS QUARANTINE ACT AND REGULATION"  
(Yuran Tawaran \$50.00)**

- Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
- Tawaran-tawaran hendaklah dalam sampul surat yang bertutup dan pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis dengan bahagian/tajuk tawaran dan tarikh tutup sahaja tanpa menunjukkan identiti pembekal.
- Dokumen-dokumen dan borang-borang tawaran serta penerangan lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Ibu Pejabat Pertanian dan Agrimakanan Jalan Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan.
- Yuran Tawaran adalah dikehendaki bagi setiap tajuk dan tidak akan dikembalikan kepada setiap penender.
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.
- Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama.
- Tawaran-tawaran yang diiklankan di atas boleh dilayari melalui laman web Jabatan Pertanian dan Agrimakanan : <http://www.agriculture.gov.bn>



**JABATAN PERCETAKAN KERAJAAN  
JABATAN PERDANA MENTERI**

PEMBEKAL-PEMBEKAL adalah dipelawa bagi menghantar tawaran mereka kepada **Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil**, Jabatan Perdana Menteri, Tingkat Bawah, Blok 2D, Jalan Ong Sum Ping, Bandar Seri Begawan BA1311, Negara Brunei Darussalam bagi projek berikut:

**TAJUK PROJEK : THE SUPPLY OF ONE UNIT DUAL PURPOSED HEAVY  
DUTY SHREDDER SYSTEM FOR THE DESTRUCTION OF SECURITY  
DOCUMENT AND ALUMINIUM PRINTING PLATES FOR THE GOVERNMENT  
PRINTING DEPARTMENT'S RKN SECURITY PRINTING PROJECT IN-  
CLUDING DELIVERY, INSTALLATION, COMMISSIONING AND TRAINING.**

**BILANGAN TAWARAN : GP/ADM/RKN/POST-PRESS/01-11**

**YURAN TAWARAN : \$30.00 (Tidak Dikembalikan)**

**YURAN DOKUMEN : \$5.00**

**TARIKH TUTUP : Hari Selasa, 15 Februari 2011, jam 2.00 petang**

Dokumen-dokumen dan Spesifikasi Teknikal boleh diperolehi di Bahagian Pentadbiran, Tingkat 1, Jabatan Percetakan Kerajaan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan BB3510, Negara Brunei Darussalam bila-bila masa waktu bekerja.



**JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari pemborong-pemborong yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam Kelas **III ATAU IV, KATEGORI 1/KA01 dan 2/b01 BAGI :-**

**PROJEK :  
MEMBAIKI KEROSAKAN RUMAH,  
BANGUNAN DAN KAWASAN DI RPN  
DAN STKRJ DAN JABATAN KEMAJUAN  
PERUMAHAN ("DESIGN & BUILD"  
BAGI CADANGAN IBU PEJABAT  
JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN,  
CAWANGAN TUTONG)  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

**No. Projek : JKP/01/2011**

Dokumen-dokumen tawaran dan lukisan-lukisan tawaran boleh didapati dan dilihat di Bahagian Perancangan Projek, Jabatan Kemajuan Perumahan sehingga **jam 2.30 petang, hari Rabu, 1 Mac 2011.**

**Tarikh Buka : 26 Januari 2011 (Rabu)**

**Tawaran Tutup : 22 Mac 2011 (Selasa)**

**Tidak lewat 2.00 petang**

**Tempat Tutup :**

**Lembaga Tawaran Kecil,**

**Tingkat Bawah,**

**Kementerian Pembangunan,**

**Negara Brunei Darussalam.**

**Yuran Tawaran :**

**\$50.00 (Tidak dikembalikan)**

**Yuran Dokumen-E**

**(Dokumen dan Lukisan Tawaran) :  
\$5.00 (tidak dikembalikan)**

Waktu pembayaran yuran tawaran dan yuran dokumen/lukisan tawaran

Isnin - Khamis : 8.00 pagi - 2.30 petang

Sabtu : 8.00 pagi - 10.30 pagi

**SYARAT-SYARAT TAWARAN :**

- Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran mengikut alamat yang dinyatakan di dalam iklan.
- Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan, tidak akan dilayan.
- Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan

dalam sampul surat yang tertutup rapi (*sealed*) dengan menyatakan Tajuk dan No Projek serta alamat tempat menghantar, tanpa menunjukkan identiti penawar.

- Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan tawaran serta keterangan-keterangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari **Tingkat 1, Bahagian Perancangan Projek, Jabatan Kemajuan Perumahan, Negara Brunei Darussalam.**
- Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di **Kementerian Pembangunan** dalam kelas dan kategori kerja yang ditetapkan.
- Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.
- Tawaran akan dikira sah laku tempoh 180 hari dari tarikh akhir menghantar tawaran.
- Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi akan dikenakan denda selaras mengikut peraturan dan garis panduan yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara, rujukan : LTN/4(39/1997).
- Wakil syarikat yang hadir mengambil dokumen tawaran hendaklah wakil yang dibenarkan oleh syarikat yang berkenaan dan hendaklah membawa bersama surat pengesahan dari syarikat dan kad pengenalan wakil untuk rujukan jabatan sebelum dokumen tawaran diserahkan.



**JABATAN DAERAH BELAIT  
KEMENTERIAN HAL EHWAL  
DALAM NEGERI**

**JAWATAN KOSONG SEBAGAI  
PENGHULU MUKIM KUALA BELAIT,  
DAERAH BELAIT**

ADALAH dimaklumkan bahawa Jabatan Daerah Belait dengan sukacitanya mempelawa/menjemput penduduk-penduduk yang bermastautin di kawasan Mukim Kuala Belait untuk menghadapkan pencalonan bagi mengisi jawatan Penghulu Mukim Kuala Belait, Daerah Belait.

**Tanggungaji : C1 EB2 iaitu \$1,990.00 hingga \$2,620.00 (merujuk Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bil : 5/1999 Negara Brunei Darussalam bertarikh : 13 Zulkaedah 1419 bersamaan 2 Mac 1999.**

**KELAYAKAN CALON  
PENGHULU MUKIM**

- Setiap calon Penghulu Mukim hendaklah : -
  - Seorang lelaki yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
  - Sekurang-kurangnya mempunyai kelulusan pelajaran di peringkat Tingkatan III atau kelulusan yang sebanding dengannya.
  - Beragama Islam dan mempunyai pengetahuan yang baik berhubung kait dengannya.
  - Berumur tidak kurang dari 40 tahun dan tidak lebih dari 60 tahun pada tarikh pencalonannya.
  - Bermastautin di Mukim Kuala Belait tidak kurang 2 tahun sebelum atau pada tarikh pencalonannya. Bermastautin adalah bermaksud bahawa calon Penghulu Mukim hendaklah benar-benar tinggal di mukim yang berkenaan dalam tempoh yang dikehendaki dimana calon itu mempunyai tempat kediaman dan mendiami tempat tersebut.
  - Tidak menjadi ahli atau terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung didalam sebarang pertubuhan siasah yang difikirkan boleh menjejaskan kepentingan atau keselamatan negara.
  - Mempunyai perwatakan, ketokohan dan sifat-sifat kepimpinan yang baik dan bersesuaian sebagai seorang pemimpin mengikut amalan kehidupan orang-orang Brunei serta bersikap pemeduliaan.
  - Tidak pernah diisytiharkan muflis dibawah undang-undang yang dikuatkuasakan di negara ini dalam tempoh dua [2] tahun sebelum pencalonannya, termasuk pada tarikh pencalonan melainkan

sebelum itu pengisytiharan muflis telah dibatalkan oleh mahkamah.

- Mempunyai pengetahuan yang baik dalam agama Islam, kemasyarakatan dan adat resam setempat yang lazimnya diamalkan oleh masyarakat kampung berkenaan.
  - Mempunyai rekod prestasi kerja yang baik dan memuaskan bagi calon yang bekerja sama ada di pihak Swasta/Kerajaan dan hendaklah menyertakan laporan prestasi kerja bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.
- Setiap pencalonan bagi mengisi Jawatan Penghulu Mukim adalah dimestikan :
    - Mengisikan Borang Pencalonan yang disediakan khas oleh Jabatan Daerah Belait dan ditandatangani oleh seorang pencalon dan dua orang penyokong. Borang pencalonan itu hendaklah ditandatangani oleh calon yang berkenaan sebagai pernyataan, pengakuan dan persetujuan ke atas pencalonannya itu.
Hj Kamalul Bahrin Hj Ali. 7552234 27/08/03 100.00  
Pg Metusin Pg Hj Metali. 7552260 28/08/03 200.00  
Hjh Zainab PPW Hj Md Yusof. 7552305 30/08/03 200.00  
GKT Construction. 7552315 01/09/03 1,000.00  
Wind Powers Contractor. 7552317 01/09/03 600.00  
Rahim Hj Jabit. 7552351 02/09/03 100.00  
Hj Noor Hisham Hj Md Zam-Zam. 7552377 04/09/03 100.00  
Pg Abd Rahman Pg Ratna Wangsa. 7552409 04/09/03 200.00  
Abd Khalid Hj Md Noor. 7552653 05/09/03 100.00  
Dyg Jarah Bte Mohamad. 7552668 15/09/03 100.00  
Josri Hj Julay. 7552670 15/09/03 200.00  
Fung Jun Fu. 7552688 16/09/03 100.00  
Bun Fak Chong. 7552732 17/09/03 200.00  
Hj Umur Hj Daud. 7552735 17/09/03 200.00  
Avg Shaminah Hj Sulaiman. 7552773 18/09/03 200.00  
Adnan Hj Md Daud. 7552856 20/09/03 200.00  
Salehkamal Hj Badarudin. 7552921 23/09/03 200.00  
Mahali Hj Gantang. 7552923 23/09/03 100.00  
Mahali Hj Gantang. 7552955 25/09/03 100.00  
Hj Mohamad Hj Kalong 7553021 29/09/03 400.00  
Khidzah Bte Hj Jalil 7553027 29/09/03 100.00  
Dyg Timah Hj Mirasan 7553029 29/09/03 100.00 5,000.00  
73,550.00 / Balance B/F. 73,550.00  
Hj Zaini Hj Md Yusoff @ Hj Jaineh 7553031 29/09/03 100.00  
Tursinah Bte Hj Shawal @ Rossinah 7553035 29/09/03 100.00  
Abu Hassan Bin Jalil 7553037 29/09/03 100.00  
Dyg Bani Bte Nasar 7553083 01/10/03 100.00  
Kim Liang Const ( Lim Guat Lee ) 7553085 01/10/03 200.00  
Hj Yunus Bin Ahmad 7553087 01/10/03 500.00  
Avg Idris Hj Mohd Noor 7553090 01/10/03 1,000.00  
Avg Kamal Hj Lakim 7553133 02/10/03 100.00  
Mohd Basri Hj Ibrahim 7553264 07/10/03 100.00  
Hazhim Hj Jack Lecece 7553266 07/10/03 100.00  
Hj Jalil Hj Mail 7553268 07/10/03 200.00

Hj Umar Hj Mohsin 7553270 07/10/03 200.00  
Haniyah Bte Hj Abdullah 7553279 08/10/03 200.00  
Pg Kasmirhan Pg Hj Mohd Tahir 7553284 08/10/03 400.00  
Hjh Simin Bte Hj Silin 7553288 08/10/03 200.00  
Morsidi Hj Damir 7553448 13/10/03 100.00  
Avg Aziz Hj Md Daud 7553459 14/10/03 200.00  
Mohd Suhaimi Hj Abd Karim 7553479 14/10/03 200.00  
Hj Mohd Lidin Bin Sapar 7553483 14/10/03 200.00  
Galfar Pembinaan & Perusahaan 7553518 16/10/03 5,000.00  
Galfar Pembinaan & Perusahaan 7553520 16/10/03 5,000.00  
Ahmad Bin Hj Tengah 7553541 16/10/03 100.00 14,400.00  
87,950.00 / Balance B/F. 87,950.00  
Jefren Bin Sarbini 7553545 16/10/03 100.00  
Hj Mohammad Faisal Hj Osman 7553547 16/10/03 300.00  
Vestland Realty Co 7553549 16/10/03 400.00  
Mohd Shamsul Bin Abdullah 7553629 21/10/03 100.00  
Roseni Hj Ibrahim 7553662 22/10/03 100.00  
Nawi @ A' Nawi Bin Maaruf 7553664 22/10/03 100.00  
Hjh Normah Bte Mohd Daud 7553714 23/10/03 200.00  
Haszahaidi Hj Ahmad Daud 7553744 25/10/03 100.00  
Hasnah Bte Kula 7553746 25/10/03 100.00  
Lim Kah Chee 7553855 03/11/03 200.00  
Ahmad Yunus Hj Chuchu 7553857 03/11/03 200.00  
Azli Bin Omar 7553859 03/11/03 100.00  
Hapsah Bte Hj Abd Hamid 7553891 04/11/03 100.00  
Mohd Hanafi Hj Md Zam 7553949 05/11/03 100.00  
Two Bee Wah 7553965 05/11/03 400.00  
Sunie Anak Biju 7553981 05/11/03 100.00  
Pantelis Const Sdn Bhd 7554032 08/11/03 1,500.00  
Ranece Bin Hj Othman 7554136 13/11/03 100.00  
Pg Hj Aliuddin Ludin Pg Omarali 7554242 19/11/03 600.00  
Jamil Bin Gimam 7554246 19/11/03 100.00  
Chan Ben Fai 7554281 20/11/03 100.00  
Hazliana Hj Bolhassan 7554292 20/11/03 100.00 5,200.00  
93,150.00 / Balance B/F. 93,150.00  
Dyg Rosni Hj Lamat 7554302 22/11/03 200.00  
Khairuddin Bin Hj Matali 7554304 22/11/03 100.00  
Hj Zainal Arifin Hj Jumaat 7554405 03/12/03 100.00  
Hj Jailani Khan Bin Hj Damir 7554497 08/12/03 100.00  
Ridhwan Hj Abdul Rahman 7554499 08/12/03 100.00  
Nikkoh Const Sdn Bhd 7554508 08/12/03 4,000.00  
Mat Daud Bin Kahar 7554518 08/12/03 100.00  
Hj Latipah Bte Hassim 7554685 18/12/03 200.00  
Pg Hj Aji Pg Hj Mahmud 7554818 24/12/03 100.00  
Hasnan Bin Abd Rajak 7554931 30/12/03 100.00  
Hj Tinggal Bin Hj Md Ali 7556016 05/01/04 100.00  
Noorudin Bin Hj Yaakob 7556022 05/01/04 100.00  
Masri Bin Mohd Tahir 7556032 05/01/04 100.00  
Pg Radin Pg Hj Othman 7556034 05/01/04 100.00  
Poh Thoon Seng 7556038 05/01/04 300.00  
Pusa Bin Kassim @ Bagul 7556041 06/01/04 100.00  
Norhayati Bin Hj Bakar 7556060 07/01/04 100.00  
Dyg Norhanney Bte Abdullah 7556076 07/01/04 100.00  
Hjh Rokiah Bte Hj Abdullah 7556078 07/01/04 200.00  
Hj Abd Rahman Dato Hj Besir 7556206 13/01/04 100.00  
Matshah @ Shahrin Hj Majid 7556208 13/01/04 200.00  
Hj Mohidin Hj Mohamad 7556212 14/01/04 100.00 6,700.00  
99,850.00 / Balance B/F. 99,850.00  
Pg Muhammad Pg Metali 7556216 14/01/04 100.00  
Zanidi Hj Saban 7556261 15/01/04 100.00  
Dyg Sialam Bte Lazim 7556284 15/01/04 100.00  
Ratnasari Bte Intol 7556339 17/01/04 100.00  
Saniah Bte Intol 7556341 17/01/04 100.00  
Dyg Hjh Bintang Hj Bungsu 7556359 19/01/04 100.00  
Amad Hj Yunus 7556433 24/01/04 200.00  
Ismail Bin OKS Hj Tengah 7556553 29/01/04 300.00  
Pg Hj Poraman Pg Tujoh 7556555 29/01/04 100.00  
Pg Haris Pg Hj Duraman 7556572 29/01/04 100.00  
Hj Mohd Fauzi Bin Hj Abd Samat 7556611 31/01/04 200.00  
Metrobina & Partners Sdn Bhd 7556670 03/02/04 3,000.00  
Hj Abdullah Bin Hj Kechi 7556672 04/02/03 100.00  
Hjh Noraini Bte Tuah 7556686 04/02/04 100.00  
Md Safrudin Bin Halus 7556715 04/02/04 100.00  
Zakaria Hj Othman 7556733 05/02/04 100.00  
Pg Noorshamsi Pg Hj Razali 7556735 05/02/04 200.00  
Hj Kamalliddin Hj Abd Fattah 7557131 09/02/04 100.00  
Lim Thong San 7557142 09/02/04 300.00  
Fung Chai Wing Ciltbert 7557144 09/02/04 300.00  
Hj Bahrin Hj Kamis 7557146 09/02/04 200.00  
Nurzahwarthy Hj Kadir @ Abd Kadir 7557151 09/02/04 100.00 6,100.00  
105,950.00 / Balance B/F. 105,950.00  
Osco Sdn Bhd 7557177 10/02/04 3,200.00  
Hj Morsidi Hj Mahruddin 7557234 12/02/04 100.00  
Hj Ibrahim Hj Sahat 7557236 12/02/04 100.00  
Hj Zamain Hj Ismail 7557238 12/02/04 200.00  
Aini Bte Zakaria 7557240 12/02/04 200.00  
Hj Ahmad Bin Zakaria 7557242 12/02/04 200.00  
Hj Rusli Bin Yusoff 7557294 14/02/04 100.00  
Norhayaty Bte Abdullah 7557315 16/02/04 100.00  
Hamdan Hj Silin 7557321 16/02/04 100.00  
Pg Halidi Pg Hj Ibrahim 7557361 17/02/04 100.00  
Mariam Bte Misir 7557363 17/02/04 100.00  
Buang Hj Ismail 7557404 18/02/04 100.00  
Noh Bin Abdul Gani

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

## Waktu melaksanakan Sembahyang Zuhur bagi yang tidak Sembahyang Jumaat



Website : www.brunet.bn/gov/mufti  
E-mail : mufti@brunet.bn-Fatwa@brunet.bn

BILANGAN 378

tetapi oleh sebab ada keuzuran syara', maka tidaklah diwajibkan ke atas mereka mendirikan sembahyang Jumaat, seperti orang yang sakit dan musafir.

• Golongan yang kedua pula, sememangnya tidak diwajibkan menghadiri sembahyang Jumaat seperti golongan perempuan dan kanak-kanak. Menurut sepakat ulama, sembahyang Jumaat tidak diwajibkan atas golongan perempuan, akan tetapi jika dia meninggalkan sembahyang Zuhur dan mengerjakan sembahyang Jumaat, maka yang demikian itu adalah memadai dan tidak perlu lagi mengerjakan sembahyang Zuhur.

Bagaimanapun orang yang musafir juga masih digalakkan untuk menunaikan sembahyang Jumaat supaya keluar daripada *khilaf* (perselisihan ulama). Begitu juga disunatkan ke atas orang yang sakit jika dia berdaya dan kanak-kanak sebagai latihan dan untuk membiasakannya. Kanak-kanak lelaki apabila mencapai umur tujuh tahun wajib disuruh atau diarahkan untuk bersembahyang Jumaat dan memukulnya jika dia enggan apabila mencapai umur sepuluh tahun, sebagaimana kewajipan menyuruhnya menunaikan sembahyang fardhu.

### Kedudukan Sembahyang Zuhur Bagi Yang Tidak Hadir Jumaat

Pada hakikatnya, mereka yang tidak hadir ke masjid untuk menunaikan sembahyang Jumaat itu sebahagiannya adalah mereka yang tiada mempunyai keuzuran untuk tidak mengerjakan Jumaat, manakala sebahagian lagi mempunyai keuzuran syara'.

Terdapat sedikit perbezaan dari segi waktu menunaikan sembahyang Zuhur bagi dua golongan tersebut sepertimana dalam

penjelasan berikut:

### 1. Tiada keuzuran meninggalkan Jumaat

Bagi orang yang wajib ke atasnya sembahyang Jumaat namun tidak menghidrkan dirinya ke masjid berjemaah tanpa keuzuran, maka wajib ke atasnya mendirikan sembahyang Zuhur setelah selesai Jumaat didirikan dengan segera. Tidak harus baginya menunaikan sembahyang Zuhur sebelum selesai sembahyang Jumaat didirikan. Ini kerana pada asalnya dia diwajibkan dan dituntut untuk sembahyang Jumaat.

Sekiranya dia mengerjakan juga sembahyang Zuhur sebelum selesai Jumaat, iaitu sebelum selesai imam memberi salam dalam sembahyang Jumaat kerana kejahilannya, maka sembahyang Zuhur yang dikerjakannya itu tidak memadai atau tidak sah, sebaliknya hanya dianggap sebagai sembahyang sunat sahaja. Oleh yang demikian, wajib ke atasnya mengulang semula sembahyang Zuhur dengan segera.

Namun perlu diingatkan, jangan dipermudahkan dan dipandang ringan perkara meninggalkan Jumaat dengan senghaja. Ini kerana mereka yang tidak berjemaah sembahyang Jumaat dengan tiada apa-apa keuzuran untuk meninggalkan Jumaat, sekalipun dia sembahyang Zuhur secara bersendirian, maka dia dihukumkan berdosa besar. Apatah lagi jika dia meninggalkannya tiga kali berturut-turut, maka hatinya akan dicapkan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* sebagai hati orang *munafiq* sebagaimana yang disebutkan dalam hadits Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*.

### 2. Mempunyai keuzuran meninggalkan Jumaat

Bagi orang yang ada keuzuran yang menyebabkannya tidak wajib menunaikan sembahyang Jumaat, dia diharuskan memilih sama ada untuk menunaikan sembahyang Zuhur ataupun sembahyang Jumaat.

Ulama menjelaskan bahawa orang yang mempunyai keuzuran meninggalkan Jumaat terbahagi kepada dua, iaitu orang yang mengharap atau menanti keuzurannya akan hilang dan orang yang keuzurannya tetap atau tidak hilang. Penjelasan seperti berikut :

(a) Orang yang mengharap atau menanti keuzurannya akan hilang sebelum habis sembahyang Jumaat, iaitu sebelum imam memberi salam dalam sembahyang Jumaat, **disunatkan dan afdhal** baginya untuk mengakhiri atau melambatkan sembahyang Zuhur sehingga selesai sembahyang Jumaat, yakni sehinggalah dia berputus harapan untuk mengerjakan Jumaat. Tujuan melambatkan Zuhur itu ialah dengan harapan uzurnya akan hilang dan dia dapat hadir sembahyang Jumaat.

Berikut dibawakan persoalan jika salah satu sembahyang Zuhur atau Jumaat atau kedua-duanya sekali sudah dikerjakan :

i. Jika dia mengerjakan sembahyang Zuhur pada awal waktu, kemudian hilang keuzurannya

itu sedangkan masih ada waktu untuk mengerjakan sembahyang Jumaat, maka tidaklah wajib baginya sembahyang Jumaat, hanya disunatkan sahaja.

ii. Jika dia mengerjakan sembahyang Zuhur kemudian dia mengerjakan sembahyang Jumaat lagi, maka sembahyang fardhu yang dituntut ke atasnya sudah tertunai dengan sembahyang Zuhurnya, manakala sembahyang Jumaat adalah sebagai sembahyang sunat baginya.

Secara amnya, orang yang mempunyai keuzuran masih tetap digalakkan untuk hadir Jumaat sekalipun dia sudah menunaikan sembahyang Zuhur.

(b) Bagi orang yang tidak hadir menunaikan sembahyang Jumaat dan keuzurannya tetap atau tidak akan hilang, umpamanya golongan perempuan dan orang sakit yang tidak berupaya, orang yang kena bala atau wabak, wajib ke atasnya mengerjakan sembahyang Zuhur dan disunatkan menyegerakan Zuhur sebaik sahaja masuk waktunya agar tidak kerugian daripada memperoleh ganjaran fadhilat sembahyang pada awal waktu. Malahan disunatkan juga untuk dikerjakan secara berjemaah pada waktu yang ditetapkan.

Bagi orang yang ada keuzuran untuk meninggalkan sembahyang Jumaat, sebagaimana yang dinyatakan dalam bahagian 2 (a) dan (b), jika dia bersembahyang Jumaat, maka sembahyang Jumaatnya itu sudah memadai dan dia tidak perlu lagi untuk bersembahyang Zuhur.

Sebagai kesimpulan mereka yang mempunyai keuzuran meninggalkan Jumaat seperti golongan perempuan, kanak-kanak, orang sakit, musafir, pengsan atau hilang akal yang bukan disebabkan oleh perkara yang diharamkan oleh syara', disunatkan baginya untuk menunaikan sembahyang Zuhur pada awal waktunya untuk merebut ganjaran dan fadhilat sembahyang pada awal waktu. Manakala bagi yang mempunyai keuzuran dan dia mengharap atau menanti keuzurannya itu boleh atau akan hilang sebelum imam memberi salam dalam sembahyang Jumaat, maka disunatkan baginya untuk mengakhiri atau melambatkan sembahyang Zuhur sehingga imam selesai menunaikan sembahyang Jumaat.

Manakala bagi mereka yang meninggalkan sembahyang Jumaat tanpa sebarang keuzuran dianggap berdosa besar dan diwajibkan ke atasnya sembahyang Zuhur. Hendaklah dia mengakhiri sembahyang Zuhur sehingga imam memberi salam dalam sembahyang Jumaat. Adapun jika dia mengerjakan sembahyang Zuhur sebelum imam memberi salam, maka sembahyang Zuhur yang dikerjakannya itu adalah tidak memadai. Bahkan hendaklah dia mengulang kembali sembahyang Zuhur yang dikerjakannya itu.

WALLAHU'ALAM

منوجو كريضاءن الله

MENUJU KEREDAHAN ALLAH

كلولأن قوسة دعوه اسلاميه

**B**EKERJA mencari rezeki adalah menjadi suatu kewajipan bagi setiap orang yang beriman. Dengan bekerja maka kita dapat bersedekah dan mengeluarkan zakat dan melakukan amal-amal soleh sebanyak yang mungkin. Kewajipan berkerja ada dicatatkan dalam Al-Qur'an, Surah At Taubah ayat 105, tafsir-Nya:

"Katakanlah (wahai Muhammad). Bekerjalah kamu, maka Allah dan Rasul-Nya serta orang-orang yang beriman akan melihat pekerjaannya."

Kewajipan mencari rezeki (bekerja) juga ada disebutkan dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh At-Tabrani dan Al-Baihaqi, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda maksudnya:

"Mencari rezeki yang halal itu wajib sesudah menunaikan yang fardhu (seperti sembahyang, puasa dan sebagainya)."

Dalil Al-Qur'an dan hadis di atas menjelaskan kepada kita bahawa beker-

ja mencari rezeki yang halal adalah suatu kewajipan terutamanya bagi mereka yang mempunyai beban dan tanggungjawab. Sama ada tanggungjawab itu untuk memenuhi keperluan sendiri atau orang lain yang di bawah tanggungjawabnya.

Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala amat kasih kepada orang yang berusaha atau bekerja mencari rezeki dengan titik peluh sendiri di mana dengan itu dia dapat memenuhi ke-

## Carilah rezeki dari sumber yang halal

perluan dan tanggungjawabnya terhadap diri, keluarga dan masyarakat. Malah kedudukan orang yang bekerja lebih mulia daripada orang yang malas bekerja (penganggur) atau meminta-minta daripada orang lain.

Agama Islam tidak melarang umatnya mencari rezeki seberapa banyak pun mengikut kemampuannya asalkan rezeki yang kita peroleh itu betul-betul halal dan tidak menyimpang dari landasan hukum syarak seperti rasuah, makan harta anak yatim tanpa hak, mencari rezeki dengan meminta-minta, riba, perdagangan benda yang memabukkan, perjudian, penipuan dalam timbangan, menjual barang rosak, barang tiruan dan sebagainya.

Walau bagaimanapun sebagai orang Islam, kita sedia maklum dan jelas apa itu sumber rezeki yang halal dan apa itu sumber rezeki yang haram, tetapi

dalam banyak keadaan kita terlepas pandang dan mungkin tidak mengetahui adakah sumber rezeki yang kita peroleh itu halal, haram atau mungkin jatuh dalam kategori syubhah. Adalah lebih baik sekiranya kita juga dapat menjauhi perkara yang samar-samar atau syubhah dalam mencari rezeki seperti mana hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam:

"Yang halal itu sudah jelas dan yang haram pun sudah jelas; dan di antara keduanya ada hal-hal yang musyabihat (syubhat, samar-samar; tidak jelas halal haramnya), kebanyakan manusia tidak mengetahui hukumnya. Barangsiapa hati-hati dari perkara syubhat, sungguh ia telah menyelamatkan agamanya dan harga dirinya." (Riwayat Imam Muslim).

Sehubungan dengan itu, umat Islam perlulah prihatin tentang kepentingan halal dan haram dalam

usaha mencari sumber pendapatan kerana ini akan menjamin keberkatan rezeki yang diperolehi dan paling penting mendapat keredaan Allah Subhanahu Wata'ala sebagaimana firman-Nya di dalam Al-Qur'an Surah Al Baqarah ayat 168, tafsir-Nya:

"Wahai manusia! Makanlah (makanan) dari apa yang ada di bumi yang halal lagi baik dan janganlah kamu mengikut jejak syaitan. Sesungguhnya ia adalah musuh yang nyata bagi kamu."

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menguatkan lagi hakikat ini menerusi sabdanya :

"Sesungguhnya daging yang dibesarkan dengan perkara yang haram, maka nerakalah yang lebih utama untuknya." (Riwayat At-Tabrani).

Menghayati hakikat inilah, sahabat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, Sayidina Abu Bakar

pernah memuntahkan semula susu yang diminumnya apabila mengetahui sumber wang untuk membeli susu itu daripada hasil kerja bertenggang nasib. Umar Ibnu Aziz juga pernah mengorek semula epal sedekah untuk rakyat yang sedang dikunyah oleh anaknya. Begitu juga ayah kepada Syeikh Abdul Qadir Al-Jailani yang rela menghambakan diri kepada tuan punya ladang apabila dia termakan sebiji epal yang hanyut di sungai dari ladang tersebut. Imam Syafie sendiri juga pernah berhenti memakan kambing apabila mendapati ada kambing zakat yang terlepas lalu bercampur gaul dengan kambing-kambing biasa.

Dari itu kita perlu ingat bahawa hanya rezeki yang halal sahaja mesti dicari kerana di situlah letaknya keberkatan dan ganjaran daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Sebaliknya rezeki yang diambil daripada

punca yang haram akan memberikan kesan yang tidak baik, baik pada diri kita sendiri, keluarga, masyarakat mahupun kita dengan Allah Subhanahu Wata'ala.

Pendapatan yang diperolehi dengan cara haram adalah kekal haram dan ia tidak akan dapat diberikannya walaupun dibelanjakan ke arah kebajikan seperti bersedekah bahkan tidak akan mendapat manfaat atau ganjaran pahala melainkan jasanya sebagai bekalan ke Neraka.

Oleh itu, kita mestilah berhati-hati dalam mencari rezeki. Apalah gunanya kita mempunyai kekayaan di dunia ini tetapi segala ibadat dan amal bakti kita tidak diredai Allah Subhanahu Wata'ala, disebabkan sifat rakus di dalam mencari harta hingga sanggup mencampur-adukkan dan tidak memedulikan antara yang halal dan yang haram.

# DBP anjurkan Walkaton Sempena Minggu Membaca

**SENGKURONG**, Ahad, 23 Januari. - Ke arah membarigakan Perpustakaan Mukim Sengkurong (PMS) kepada orang ramai khususnya penduduk Mukim Sengkurong dan persekitarannya, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) mengadakan Walkaton Sempena Minggu Membaca di pekarangan letak kereta PMS.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah yang juga menyertai

Oleh : Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim

walkaton tersebut.

Turut menyertai walkaton tersebut, Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta jabatan-jabatan di bawahnya.

Acara dimulakan dengan sesi pemanasan badan senaman robik selama 30 minit diikuti walkaton sejauh empat kilometer bermula dari PMS melalui jalan Jerudong dan berakhir di PMS.

Walkaton tersebut merupakan salah satu aktiviti bersempena Festival Budaya Membaca yang telah dilancarkan pada 13 Januari 2010.

Ia antara lain bertujuan bagi menggalakkan penduduk kampung, sekolah-sekolah, jabatan-jabatan kerajaan mengambil bahagian bagi sama-sama memajukan PMS selain menanamkan dan menggalakkan budaya membaca di kalangan masyarakat di negara ini.

PMS yang merupakan perpustakaan cawangan

ke-9 DBP dan ke-4 di Daerah Brunei dan Muara mula dibukakan sepenuhnya kepada orang ramai pada 15 Jun 2009, kini mempunyai 1256 ahli.

Perpustakaan tersebut mempunyai pelbagai kemudahan bagi keselesaan pengunjung seperti bilik siber yang dilengkapi dengan internet dan wireless.

PMS di buka dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang setiap hari Isnin hingga Khamis, sementara pada hari Sabtu dan Ahad ia dibuka dari jam 10.00 pagi hingga 5.00 petang dan ditutup pada hari Jumaat.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah memulakan acara Walkaton Sempena Minggu Membaca. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

## PESTABARU buat persiapan jadi pengadil acara sepak takraw

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 21 Januari. - Persatuan Sepak Takraw Kebangsaan, (PESTABARU) melalui Jawatankuasa Teknikalnya sedang membuat persiapan rapi untuk menjadi pengadil acara sepak takraw berpasukan bagi Sukan Kementerian-Kementerian 2011.

Oleh : Abdullah Asgar

Sehubungan dengan itu, PESTABARU mengadakan Mesyuarat Teknikal Pengadil di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas sebelum bermulanya acara sepak takraw

pada Ahad ini. Mesyuarat yang dihadiri oleh semua Ahli Jawatankuasa Teknikal Pengadilan yang Dipertua PESTABARU, Pengiran Haji Ali

Hassan bin Pengiran Dato Seri Laila Jasa Haji Abas.

Selain persiapan Sukan Kementerian-kementerian, mesyuarat itu juga membincangkan kejohanan Liga Kebangsaan yang bakal diadakan pada bulan Februari nanti bersempena sambutan ulang tahun Hari Kebangsaan.

Di samping itu, Jawatankuasa Teknikal itu juga membincangkan persiapan awal Kejohanan Sepak takraw PESTABARU dan rancangan sepanjang tahun seperti kejohanan pada bulan Mac tetapi masih menunggu kelulusan dari segi mendapatkan tajaan dan sumber kewangan.

PESTABARU juga sedang mempersiapkan pasukan kebangsaan untuk menyertai acara sepak takraw pada Sukan Asia Tenggara, (Sukan SEA) yang bakal berlangsung di Republik



YANG Dipertua Persatuan Sepak Takraw Kebangsaan, Pengiran Haji Ali Hassan bin Pengiran Dato Seri Laila Jasa Haji Abas bergambar ramai bersama Ahli Jawatankuasa Teknikal Pengadilan. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said.

## Penyertaan Kejohanan Sepak Takraw Regu Kebangsaan dibukakan

PESTABARU dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan akan menganjurkan Kejohanan Sepak Takraw Regu Kebangsaan Piala Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah sempena Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-27 pada awal bulan Mac 2011 nanti.

Borang-borang penyertaan boleh didapatkan sekarang dari Awang Haji Abu Bakar bin Kassim (Tel: 8820464), Awang Haji Zaman bin Haji Samad (Tel: 8825580) atau Penyambut Tetamu Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Tarikh tutup penyertaan pada 26 Januari 2011.

Indonesia penghujung tahun ini.

Sementara, itu bagi kejohanan serantau seperti Sukan Borneo, Sukan BIMP-EAGA dan Sukan Arafura, Australia pihak

PESTABARU juga membincangkan persiapan awal.

Acara sepak takraw berpasukan Sukan Kementerian-Kementerian akan diadakan pada

Ahad ini di Kompleks Sukan Jabatan Kerja Raya yang mana setiap kementerian sekurang-kurangnya dikehendaki menghantar tidak kurang tiga pasukan (12 pemain).

## Perlawanan Tarik Kalat Antara Kementerian-Kementerian bermula

Oleh : Abdullah Asgar

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 23 Januari. - Sejumlah enam pasukan kementerian bagi Kategori 800 Kilogram (kg) di acara Tarik Kalat Pesta Sukan Kementerian-Kementerian Sempena Hari Perkhidmatan Awam Ke-17 memenangi perlawanan pusingan awal setelah mengalahkan pasukan lawan masing-masing dengan mengutip mata bagi pusingan pertama.

Kementerian yang memenangi bagi Kategori 800 kg terkumpul tersebut terdiri dari Jabatan Perdana Menteri (JPM), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Kementerian Pendidikan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan Kementerian Pembangunan.

Sementara bagi Kategori 1,100 kg hanya tiga pasukan Kementerian-Kementerian menang pada lawan masing-masing yang terdiri dari Kementerian Kesihatan, Kementerian Pembangunan dan KHEDN.

Pusingan awal acara Tarik Kalat Pesta Sukan Kementerian-Kementerian diadakan di padang Kompleks Sukan Berakas yang disertai sembilan kementerian bagi Kategori 1,100 kg dan sembilan pasukan

Kategori 800 kg.

Bagi pasukan JPM Kategori 800 kg menang mudah mengalahkan Kementerian Hal Ehwal Ugama yang mempunyai harapan mengisi dua tempat teratas Kumpulan A2 kerana berbaki dua perlawanan untuk menentang Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) dan Kementerian Pendidikan bagi mara ke separuh akhir.

Manakala pasukan JPM Kategori 1,100 kg pula harus menang dua baki perlawanan menentang KPSSU dan Kementerian Kesihatan jika berhajat untuk mengisi dua tempat teratas di separuh akhir Kumpulan B2.

Sementara bagi Kumpulan A1 Kategori 800 kg Kementerian Pembangunan mengisi tempat teratas setakat ini setelah menang atas Kementerian Pertahanan dan KHEDN.

Bagi Kategori 1,100 kg bagi Kumpulan A1 dan A2 setiap pasukan masih mempunyai harapan, tetapi terpaksa bekerja keras untuk mengejar kemenangan.

Pertandingan akhir tarik kalat akan berlangsung pada 28 Januari, (Jumaat) di tempat yang sama.



### Kutipan Pingat Pesta Sukan Kementerian-Kementerian Sempena Hari Perkhidmatan Awam Ke-17, Bagi Tahun 2010, 22 - 29 Januari 2011.



Bil	Nama Pasukan	Emas	Perak	Gangsa	Kedudukan
1.	KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI	7	4	6	1
2.	KEMENTERIAN PERTAHANAN	3	5	2	2
3.	JABATAN PERDANA MENTERI	3	4	1	3
4.	KEMENTERIAN PENDIDIKAN	2	2	7	4
5.	KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN	2	2	1	5
6.	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	2	0	0	6
7.	KEMENTERIAN PERHUBUNGAN	0	1	0	7
8.	KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA	0	1	0	7
9.	KEMENTERIAN KEWANGAN	0	0	1	9
10.	KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI	0	0	1	9
11.	KEMENTERIAN KESIHATAN	0	0	0	11
12.	KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBAR - SUMBAR UTAMA	0	0	0	11
<b>JUMLAH PINGAT KESELURUHAN</b>		<b>19</b>	<b>19</b>	<b>19</b>	

Shingga jam : 11.30 Malam, 24 Januari 2011.



## PESTA SUKAN KEMENTERIAN-KEMENTERIAN SEMPENA HARI PERKHIDMATAN AWAM KE-17, BAGI TAHUN 2010



### KHEDN teratas kutip pingat PSKK

Oleh : Abdullah Asgar

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 24 Januari. - Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) setakat ini mengisi tempat teratas bagi kutipan pingat Pesta Sukan Kementerian-Kementerian (PSKK) sempena Hari Perkhidmatan Awam Ke-17 2010.

Sejauh ini KHEDN mengutip dua pingat emas, satu pingat perak dan satu pingat gangsa diikuti oleh Jabatan Perdana Menteri yang mengumpul dua pingat emas dan satu pingat perak.

Sementara Kementerian Pendidikan mengekori rapat di tempat ketiga dengan satu pingat emas, satu perak dan tiga gangsa.

Manakala Menteri-

an Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) berada di tempat keempat dengan satu pingat emas dan satu pingat perak, Kementerian Pertahanan (MINDEF) setakat ini menempati di posisi kelima dengan satu perak dan satu gangsa, manakala Kementerian Perhubungan menduduki tempat keenam dengan kutipan satu pingat perak.

Kontenjin - kontenjin kementerian yang lain sejauh ini belum mengutip sebarang pingat namun kedudukan akan terus berubah memandangkan beberapa acara masih lagi berjalan.

Kedudukan kutipan pingat PSKK 2010 ini dikeluarkan oleh Urus Setia PSKK-17 pada (23 Januari 2011).

### KHEDN kuasai acara belapan dan padang

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 24 Januari. - Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) terus menguasai Kejohanan Olahraga Pesta Sukan Kementerian-Kementerian Sempena Hari Perkhidmatan Awam Ke-17, 2010 dengan memungut tiga dari lima pingat emas yang dipertandingkan di Stadium Negara Hassanal Bolkiah Berakas, di sini.

KHEDN meneruskan kutipan pingat emas mereka apabila menguasai acara lari pecut 200 meter lelaki dan wanita terbuka.

Dalam acara lari pecut 200 meter lelaki terbuka KHEDN mengukuhkan kedudukan apabila dua tangga teratas menjadi milik mereka setelah Awang Hairol Azman Shah Abdullah memperlihatkan kehebatannya dengan mencatat masa terpantas 23.25 saat sekalipun dicabar rapat oleh rakan sepasukannya, Awang Haji Shariful Bahrin bin Haji Zainal yang mencatatkan 23.69 saat, manakala Awang Mohd. Nurul Hasni dari Jabatan Perdana Menteri mendapat pingat gangsa dengan catatan masa 23.88 saat.

Seorang lagi atlet KHEDN, Dayang Norlila binti Haji Ahmad turut meneruskan penguasaannya dengan memungut pingat emas di dalam acara lari pecut 200 meter wanita terbuka setelah mencatatkan masa terpantasnya 30.30 saat sambil diekori pemenang pingat perak, Dayang Azirah dari Kementerian Pertahanan yang mencatatkan masa 32.74 saat dan pingat gangsa dimenangi oleh Dayang Sabaria Mattamin dari Kementerian Hal Ehwal Luar

Negeri dan Perdagangan yang mencatatkan masa 33.06 saat.

KHEDN memungut pingat emas ketiganya menerusi Awang Salman Sigar yang melakukan lemparan sejauh 33.35 meter manakala pingat perak dimenangi oleh Dario De Rosas dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dengan lemparan sejauh 31.38 meter dan Awang Mohd. Ariffin Mohamad Zain memungut pingat gangsa untuk Kementerian Pertahanan dengan lemparan sejauh 30.99 meter.

Dalam acara lompat jauh bagi Kategori *Superscale* Awang Haji Mohammad bin Haji Abdul Rahman berjaya menyumbangkan pingat emas kepada KKBS setelah melakukan lompatan sejauh 3.48 meter diikuti rakan sepasukannya, Awang Bantong bin Antaran memungut pingat perak dengan lompatan sejauh 2.7 meter, sementara Awang Haji Mohd. Zin bin Haji Mohd. Salleh dari Kementerian Pembangunan memungut pingat gangsa dengan lompatan sejauh 2.32 meter.

Sementara itu Kementerian Pertahanan berjaya mengutip satu pingat emas menerusi acara lontar peluru bagi Kategori *Superscale* menerusi pencapaian terbaik Kolonel (U) Pengiran Haji Kamal Bashah yang berjaya membuat lontaran sejauh 7.58 meter sekali gus menghampakan Awang Sofian bin Mohd. Jani dari Kementerian Kewangan yang hanya dipisahkan sejauh 0.01 meter sahaja untuk memungut pingat perak, manakala pingat gangsa dimenangi oleh Awang Bantong dari KKBS dengan lontaran 6.34 meter.



AKSI Awang Haji Mohamad Zin bin Haji Salleh, Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan semasa mengikuti acara lompat jauh bagi Kategori *Superscale* di Kejohanan Pesta Sukan Kementerian-Kementerian berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas. - Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah.



PESERTA lontar peluru 40 tahun ke atas lelaki semasa beraksi. - Foto: Abdul Kadir Md. Tahir

### KHEDN dominasi kutipan pingat emas di hari pertama kejohanan

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 23 Januari. - Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) mendominasi hari pertama Kejohanan Olahraga Pesta Sukan Kementerian-Kementerian (PSKK) dengan memungut empat dari 16 pingat emas yang dipertandingkan.

Sementara itu Kementerian Pertahanan dan Jabatan Perdana Menteri (JPM) masing-masing berjaya memungut tiga emas manakala Kementerian Pendidikan, Kementerian Pembangunan dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) mengutip dua emas.

KHEDN mengutip emas menerusi acara Lontar Peluru bagi atlet berumur 40 tahun ke atas menerusi Salman Sigar yang berjaya membuat lontaran sejauh 10.38 meter, diikuti Sharum Anik menguasai dalam acara 1,500 Meter Lelaki dengan catatan masa 4 minit 06.53.

Kemudian KHEDN menambah kutipan emasnya setelah menguasai acara 400 Meter Terbuka Wanita yang dimenangi oleh Rohaidah Hassali dengan catatan masa 1 minit 1.50 saat dan Awang Haji Shariful Bahrain bin Haji Zainal melengkapkan kutipan bagi KHEDN dengan menguasai Lari Pecut Terbuka dengan catatan masa 11.53 saat.

Tiga emas yang diperolehi JPM dikutip melalui acara padang sekali gus mengukuhkan penguasaan mereka dalam acara ini.

JPM memperolehi emas pertama menerusi acara Rejam Lembing menerusi Michael selepas berjaya membuat rejaman sejauh 48.74 meter mengatasi rejaman Kamis Juung dari KHEDN yang membuat rejaman sejauh 44.52 diikuti oleh atlet dari Kementerian Pertahanan menerusi Shahnizam yang merejam sejauh 42.10 meter.

Sekali lagi JPM menambah kutipan emas apabila menguasai dalam acara Lompat Kijang setelah Dayang Alinawati binti Haji Aliakbar unggul di hadapan dengan lompatan sejauh 9.37 meter diikuti tempat kedua oleh Dayang Noramalina Bakir dari KKBS dengan lompatan sejauh 9.29 dan Dayang Haswati binti Haji Asli dari KHEDN di tempat ketiga dengan lompatan 8.23 meter.

JPM melengkapkan kutipannya menerusi Rozaini Timbang apabila berjaya melakukan lemparan sejauh 23.59 meter diikuti di tempat kedua oleh Dayang Siti Kartini binti Haji Md. Yusof dari KHEDN dengan lemparan 21.57 meter dan Luman Sitai dari Kementerian Pendidikan di tempat ketiga dengan lemparan sejauh 20.67 meter.

### Kementerian Kewangan pemenang *Tenpin Bowling*



PEMAIN-PEMAIN bergambar ramai di temasya Pesta Sukan Kementerian-Kementerian (PSKK) bagi acara *Tenpin Bowling*. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said.

Oleh : Abu Bakar  
Haji Abdul Rahman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 23 Januari. - Kementerian Kewangan berjaya mengutip pingat emas pertama di temasya Pesta Sukan Kementerian-Kementerian Sempena Hari Perkhidmatan Awam Ke-17, Tahun 2010 menerusi acara *Tenpin Bowling*.

Kementerian Kewangan yang diwakili oleh Pengiran Haji Razak berjaya menamatkan persaingan setelah berjaya menjatuhkan 401 pin sekali gus mendahului tujuh pemain yang lain dalam Kategori VIP Lelaki pada perlawanan di Pusat Bowling Utama, di sini.

Perak dimenangi oleh Adi Shamsul dari Jabatan Perdana Menteri (JPM) yang hanya berjaya menjatuhkan sebanyak 388 pin diikuti oleh Awang Haji Mohamad Zin yang menjatuhkan 367 pin sekali gus memberikan gangsa untuk Kementerian Pembangunan.

Dalam acara VIP Wanita, Dayang Hajah Siti Aisah berjaya menyumbangkan emas kepada Kementerian Kesihatan sekalipun berkongsi jatuhan pin sebanyak 488 bersama Hajah Mariani dari Jabatan Perdana Menteri (JPM) dengan kiraan berdasarkan kepada kelebihan-kelebihan yang lain.

Sementara gangsa dimenangi oleh Dayang Masuriyati juga dari JPM selepas menjatuhkan 436 pin.

Sementara itu dalam Kategori Perseorangan Lelaki Division III, IV dan V, emas dimenangi oleh Awang Mohd. Said bin Haji Bakar dari JPM setelah melakukan jatuhan 529 pin, diekori rapat oleh Haji Ibrahim bin Haji Salleh dari Kementerian Pendidikan yang membuat jatuhan sebanyak 524 pin manakala gangsa dimenangi oleh Supaidy Ralmeec yang membuat jatuhan sebanyak 520 pin sekali gus menyumbangkan gangsa untuk Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

## Berkenan menerima mengadap dua tetamu negara sahabat

Oleh : Hajah Zabaidah Haji Salat  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa 25 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap dua tetamu dari negara sahabat di Majlis Mengadap yang berlangsung di Istana Nurul Iman.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri telah berkenan menerima mengadap Puan Sri Noorainee binti Abd. Rahman, isteri Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran Malaysia, Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin yang mengadakan lawatan kerja ke negara ini.

Di Majlis Mengadap tersebut Puan Sri Noorainee diiringi sama oleh Datin Paduka Hajah Jahrah binti Haji Mohammed, isteri Yang Berhormat Menteri Pendidikan Negara Brunei Darussalam dan isteri kepada Penasihat Kedutaan Suruhanjaya Tinggi Malaysia di negara ini, Puan Rabiatul Adawiah binti Kamarulzaman.

Baginda kemudiannya berkenan menerima mengadap Puan Merilou Malacay David, isteri Ketua Turus Angkatan Bersenjata Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Jeneral Ricardo A. David Jr. AFP yang dalam rangka lawatan ke negara ini.

Hadir sama bagi mengiringi Puan Merilou Malacay David di majlis itu ialah isteri Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Datin Dayang Nurhayana Janis binti Abdullah.

Juga hadir di kedua-dua Majlis Mengadap tersebut ialah Yang Dimuliakan Seri Laila Pengiring Diraja, Datin Seri Utama Dayang Hajah Rosnah binti Abdullah.

**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap Puan Sri Noorainee binti Abd. Rahman, isteri Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran Malaysia, Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin yang mengadakan lawatan kerja ke negara ini (atas kanan). Sementara gambar kanan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri ketika berkenan menerima mengadap Puan Merilou Malacay David, isteri Ketua Turus Angkatan Bersenjata Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Jeneral Ricardo A. David Jr. AFP.**



### Dari Muka 1

Tambah Yang Berhormat, adalah menjadi tanggungjawab semua pihak sama ada perseorangan, agensi-agensi kerajaan, badan-badan bukan kerajaan mahupun pihak swasta dan badan-badan perniagaan untuk menjaga keselamatan, kesempurnaan dan kemuliaan bendera kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menjelaskan, seharusnya tidak berlaku keengganan penyertaan oleh mana-mana pihak untuk menaikkan dan mengibarkan bendera kebangsaan apabila diarahkan berbuat demikian.

Malahan ujar Yang Berhormat, ia adalah merupakan waktu yang ditunggu-tunggu oleh setiap rakyat dan penduduk pada menyatakan kebersamaan, patriotisme, ketaat-setiaan dan kecintaan mereka kepada raja, negara, bangsa dan agama.

Jelas Yang Berhormat, kini kita sudah diambang Sambutan Hari Kebangsaan Ke-27 dan seperti lazimnya kita akan menyaksikan bendera negara berkibar dengan megahnya di rumah-rumah persendirian, premis-premis bangunan dan kenderaan.



**Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah semasa menyempurnakan pengagihan bendera negara kepada penduduk mukim dan kampung. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.**

"Namun masih terdapat keterlibatan masyarakat belum sampai pada tahap yang memuaskan terutama di rumah-rumah persendirian sama ada di bandar ataupun kampung-kampung," ujar Yang Berhormat.

Sebagai satu bangsa yang merdeka dan bersatu padu, jelas Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, kita perlu menzahirkan secara lahiriah semangat patriotisme dan jiwa besar kita sebagai rakyat dan warga Brunei Darussalam yang merdeka dengan penyertaan kita mengibarkan bendera kebangsaan di sepanjang waktu yang ditetap-

kan. "Ini juga akan menjadikan sambutan Hari Kebangsaan yang disambut setahun sekali itu dizahirkan melalui kemeriahan dan suasana kibaran bendera negara oleh setiap rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam," kata Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga menyeru orang ramai supaya sama-sama memulakan momentum mengibarkan bendera negara sebagai tanda kebanggaan terhadap bendera negara yang menjadi lambang kedaulatan dan maruah bangsa dan negara yang tercinta.

## Timbalan Menteri Pertahanan menerima kunjungan hormat

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 25 Januari. - Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat telah menerima kunjungan hormat perpisahan Ketua Turus Angkatan Bersenjata Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Jeneral Ricardo A. David Jr. AFP, di Bolkiah Garrison.

Sejurus selepas itu, TYT Jeneral Ricardo A. David Jr. AFP mengadakan kunjungan perpisahan kepada Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Awang Abidin.

Terdahulu TYT Jeneral Ricardo A. David Jr. AFP sejurus tiba di Kementerian Pertahanan menerima tabik hormat dan memeriksa barisan kawalan kehormatan terdiri dari anggota-anggota Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB).

Sepanjang perkhidmatannya, TYT Jeneral Ricardo A.



**TIMBALAN Menteri Pertahanan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat ketika menerima kunjungan muhibah Ketua Turus Pertahanan Angkatan Bersenjata Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Jeneral Ricardo A. David Jr. AFP berlangsung di Kementerian Pertahanan. - Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah.**

Oleh :  
Ak. Jefferi Pg. Durahman

David Jr. AFP banyak menyumbang ke arah peningkatan kerjasama di bidang ketenteraan bagi kedua-dua buah angkatan tentera.

Kunjungan perpisahan ini bertujuan untuk meneruskan hubungan dua hala di antara ABDB dengan Angkatan Bersenjata Republik Filipina di mana kedua-dua angkatan bersenjata tersebut sering mengadakan latihan bersa-

ma, latihan dua hala, mesyuarat dan seminar.

Pada masa yang sama kunjungan ini juga merupakan jambatan untuk mengekalkan persahabatan yang sudah sekian lama dibina sepanjang perkhidmatan TYT.

TYT Jeneral Ricardo A. David Jr. AFP dan isteri, Puan Merilou Malacy David serta rombongan berada di negara ini selama tiga hari.

**'AMBIL LANGKAH HINDARKAN KECEDEeraan, PENYAKIT SEMASA BANJIR'**

دتریتکن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان منتري دان دچیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نکارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.